




## DAERAH HULU SELANGOR SEBAGAI HUB AUTOMOTIF



# MPHS

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

EDAR PERCUMA

BIL.3#2023

BIL.3#2023

MPHS TERIMA ANUGERAH  
**BANDAR PALING  
MAMPAK**



A portrait of a smiling man with short brown hair, wearing a pink button-down shirt. He is positioned in front of a colorful, abstract background that features large, bold letters spelling "HPS" and "2023". The background has a gradient of blue, purple, and pink, with some architectural silhouettes visible through the letters.



Meraikan Media ►►30

Melalui *Aktiviti*

# Water Rafting



Sila imbas untuk  
versi digital



**korporatmphs@gmail.com**



03-6064 1331



[www.mphs.gov.my](http://www.mphs.gov.my)



**korporatmphsofficial**



# SIDANG REDAKSI

BULETIN MPHS BIL. 2/2023

*Sekapur Sireh Seulas Pinang,  
Dihidang Untuk Makan Bersama,  
Kata Ditilip Pantun Dikarang,  
Sebagai Pembuka Manis Bicara.*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
اللهُمَّ اسْلَمْنَا وَاسْلَمْتُمْنَا

dan salam sejahtera

Salam Malaysia Madani dan Salam Kita Selangor.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT, Tuhan semesta alam maka Buletin MPHS Bil.3/2023 bagi tempoh bulan Julai hingga Disember 2023 dapat diterbitkan. Pada masa kini, budaya membaca semakin meluntur di kalangan masyarakat khususnya generasi muda akibat penggunaan teknologi digital secara meluas. Saya berharap, dengan penerbitan bahan bacaan Buletin MPHS Bil. 3/2023, ianya dapat mewujudkan masyarakat madani yang berbudaya membaca. Justeru, menghasilkan masyarakat yang berminda aktif, kreatif, kritis dan berinovasi tinggi.

Majlis Perbandaran Hulu Selangor komited ke arah pelaksanaan matlamat pembangunan mampan (SDG) 2030. Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap akan diteruskan dan segala cabaran yang ada perlu ditangani dengan baik. Insya-Allah isi Buletin Majlis Perbandaran Hulu Selangor akan diperbaiki dari semasa ke semasa dalam melaporkan segala aktiviti dan program yang dilaksanakan untuk masyarakat di Daerah Hulu Selangor.

Majlis Perbandaran Hulu Selangor merupakan antara PBT Terbaik di Negeri Selangor yang sedang menempa nama sama ada di peringkat negeri, kebangsaan maupun antarabangsa. Jadi, besarlah harapan saya agar masyarakat, pemegang taruh serta pihak yang berkepentingan dapat seiring menggembung tenaga untuk kita bersama-sama meneruskan kecemerlangan ini bagi menjadikan Daerah Hulu Selangor sebagai daerah yang maju dengan mengekalkan kelestarian alam sekitar.

**TUAN MOHD HASRY BIN NOR MOHD A.M.S  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR**

**PENAUNG** Tuan Mohd Hasry Bin Nor Mohd A.M.S.  
Yang Dipertua

**PENASIHAT** Tuan Awaluddin Bin Zakaria, A.M.S.  
Setiausaha

**KETUA PENGARANG** Puan Junainah Binti Abdullah  
Ketua Bahagian Korporat

**PENGARANG** Puan Rabiatul Adawiah Abdul Rahman • Puan Siti Khalijah Mahauddin

**JURU FOTO** Abdul Azim Bin Abu Bakar

**DITERBITKAN OLEH** Bahagian Korporat  
Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan  
44000 Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.

Emel: korporatmphs@gmail.com | 03 6064 1331 samb. 121 & 252



# KANDUNGAN

BULETIN MPHS BIL. 3/2023

## SEKAPUR SIREH

2

### JULAI

- |   |    |
|---|----|
| 1. MYPDV, INISIATIF KERAJAAN BANTU GOLONGAN B40   | 6  |
| 2. GERAN KHAS KOMUNITI MAMPAH 2.0   | 6  |
| 3. MESYUARAT AGONG TRITAHUNAN KALI KE-4 ANULAE CAWANGAN MPHS BAGI TAHUN 2023-2026   | 7  |
| 4. LAWATAN KERJA MPKL BERKAITAN GARIS PANDUAN PEMURNIAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR (P3S) BAGI PELAKSANAAN AKTIVITI SUKAN PARAGLIDING | 7  |
| 5. SESI TAKLIMAT (TOWNHALL) BERSAMA PENYEWIA PASAR AWAM SERENDAH  | 8  |
| 6. MESYUARAT JAWATANKUASA DAN PENDENGARAN BAGI DERAJ RANCANGAN KAWASAN GENTING HIGHLAND   | 9  |
| 7. BENGKEL SEMAKAN SEPARUH PENGGAL SASARAN KERJA TAHUNAN 2023   | 9  |
| 8. YDP BERSAMA PENDUDUK BANDAR BARU SUNGAI BUAYA  | 9  |
| 9. SESI LIBAT URUS - JAWATANKUASA PENUBUHAN PENGURUSAN TAMAN PERUSAHAAN (IPMC) MPHS 2023  | 10 |
| 10. SESI LIBAT URUS - PROGRAM PEMUTIHAN TAPAK PERKEMAHAN DAERAH HULU SELANGOR.  | 10 |



## OGOS

11

- |  |    |
|--|----|
| 11. PELANCARAN KIBARKAN JALUR GEMILANG   | 11 |
| 12. TAKLIMAT LAWATAN TAPAK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH BANGUNAN DEWAN KOMUNITI SERBAGUNA 1 TINGKAT DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI ATAS TAPAK REZAB DEWAN, BUKIT SENTOSA | 11 |
| 13. ANUGERAH INOVASI PERINGKAT HULU SELANGOR 2023  | 12 |
| 14. TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH BANGUNAN DEWAN BANQUET 2 TINGKAT DI TAMAN TASIK MILENIUM, KUALA KUBU BHARU                          | 12 |
| 15. MALAYSIA QUR'AN HOUR   | 12 |



## SEPTEMBER

13

- |  |    |
|--|----|
| 16. MPHS GALAKKAN PENGGUNA BAWA BEG GUNA SEMULA BAGI SOKONGAN KEMPEN BEBAS BEG PLASTIK | 13 |
| 17. MPHS CYCLING TEAM  | 14 |
| 18. LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN, MELAKA   | 14 |
| 19. PERHIMPUNAN PAGI MPHS  | 15 |
| 20. BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK 2024-2028 MPHS                                 | 15 |
| 21. WING OF KKB - SELANGOR BIRD FAIR   | 16 |
| 22. LAWATAN TEKNIKAL PESERTA GERAN KHAS KOMUNITI MAMPAH 2.0 MPHS 2023                  | 17 |

3

# K BULETIN MPHIS BIL. 3/2023 KANDUNGAN

- 23. OPERASI BERSEPADU PEMERIKSAAN PREMIS PERNIAGAAN WARGA ASING **17**
- 24. MPHIS TERIMA KUNJUNGAN MAJLIS DAERAH BESUT **17**
- 25. MAJLIS MENANDATANGANI MoU ANTARA MPHIS DENGAN MSU **19**
- 26. AUDIT PEMATUHAN MANUAL OSC 3.0 PLUS PBT 2023 **19**
- 27. LAWATAN PEGAWAI BELIA DAN SUKAN KE DAERAH HULU SELANGOR **20**
- 28. LAWATAN KERJA YB EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR **20**
- 29. MoU ANTARA MBPJ DAN MPHIS SEBAGAI "BANDAR PERSAHABATAN" (FRIENDSHIP CITY) **21**


## OKTOBER

- 30. AUDIT MS ISO 9001-2015 **21**
- 31. NAZIRAN TERHADAP URUS TADBIR PENGURUSAN PEMBERIAN JALAN NEGERI (MARRIS) DI AGENSI-AGENSI PELAKSANA TAHUN 2023 MPHIS **22**
- 32. MPHIS TERIMA SIJIL BERSIH (SIJIL TANPA TEGURAN) PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN DARIPADA JABATAN AUDIT NEGARA **22**
- 33. MAJLIS TAMAT LATIHAN ANGGOTA PENGUATKUASA MPHIS **23**
- 34. CABUTAN UNDI DAN TENDER **23**
- 35. BENGKEL PENGURUSAN KANDUNGAN LAMAN WEB DAN MEDIA SOSIAL **24**
- 36. STAR FEST **25**
- 37. HARI TANPA KENDERAAN **25**
- 38. LAWATAN TEMPAT-TEMPAT PELANCONGAN SELIAAN MPHIS DI FRASER HILL DAN MAJLIS APRESIASI BAGI PENYELARAS ADUAN MPHIS **26**
- 39. TAKLIMAT PENGGREDIAN MAKANAN **26**
- 40. MESYUARAT AGUNG KOPERASI KAKITANGAN MPHIS BERHAD KALI KE-34/2023 **26**
- 41. PROGRAM PENDIDIKAN KOMUNITI STRATA 2023 **27**
- 42. OPERASI BILLBOARD HARAM **27**



## NOVEMBER

- 43. MPHIS TERIMA LAWATAN KERJA DARIPADA JABATAN PESURUJAYA BANGUNAN (COB) MPK, MPS DAN MPKL **28**
- 44. KEJOHANAN GOLF PIALA YDP 2023 **28**
- 45. MPHIS TERIMA ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAH 2023 SEMPENA MALAYSIA URBAN PLANNING AWARD (MUPA) **29**
- 46. MAJLIS MINUM PETANG MERAIKAN PENGARAH DAN PESARA **29**
- 47. SUMBANGAN DEEPAVALI **29**
- 48. OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU ISU KESESAKAN RUMAH 'OVER CROWDING' DI DALAM KAWASAN BANGUNAN STRATA DAERAH HULU SELANGOR **30**





31

MPHS DINOBAT SEBAGAI  
**PBT/PERBANDARAN TERBAIK**  
ANUGERAH BANDAR MAMPAH 2023  
PERINGKAT NEGERI SELANGOR

49. PROGRAM SANTAI STRATA	30
50. KKB INTERNATIONAL PARAGLIDING FESTIVAL AND ACCURACY COMPETITION 2023	31
51. MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)	32
52. KURSUS KAUTER	32
53. LAWATAN DAN PERKONGSIAN ILMU BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS BERKAITAN PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN (P3S) DAERAH HULU SELANGOR	33
54. MPHS ANJUR KAUNTER BERTEMU PELANGGAN	34

#### **DISEMBER**

55. GOTONG ROYONG 55	34
----------------------	----



56. PROGRAM AHLI MAJLIS	35-39
57. KERATAN AKHBAR	40-42
58. LAPORAN ADUAN	43-44
59. DIREKTORI PENGURUSAN TERTINGGI MPHS DAN AHLI MAJLIS	45-46

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

# MyPSV INISIATIF KERAJAAN BANTU GOLONGAN B40

Majlis Pelancaran Program MyPSV Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 anjuran Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia dengan kerjasama Majlis Perbandaran Hulu Selangor serta agensi-agensi jabatan Daerah Hulu Selangor telah diadakan di Dewan Dato' Abdul Hamid, Batang Kali. Program ini merupakan salah satu inisiatif di



3 JULAI 2023 • DEWAN DATO' ABDUL HAMID, BATANG KALI



bawah Belanjawan Madani 2023 bagi membantu golongan B40 mendapatkan Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (Public Service Vehicle-PSV). Menerusi program ini, kerajaan mensasarkan akan memberi manfaat kepada **4,000** orang calon yang meliputi 3,500 orang untuk PSV [E-Hailing/Teksi] dan 500 orang untuk PSV [Bas] daripada golongan B40 di seluruh negara menerusi peruntukan sebanyak RM2 juta di bawah Belanjawan Madani 2023.

Peruntukan ini merangkumi kos ujian dan latihan kepada calon dengan kadar RM2,590.00 untuk setiap calon PSV Bas manakala RM190.00 untuk setiap calon PSV E-Hailing/Teksi. Program ini juga sebagai komitmen dan usaha cakna Kerajaan Perpaduan untuk membantu golongan B40 mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan isi rumah melalui peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi gig seterusnya menyokong dan menambah baik kelangsungan sektor pengangkutan awam serta pelancongan di negara ini. Majlis telah disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia dan YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

## GERAN KHAS KOMUNITI MAMPAN 2.0 ANJURAN MPHS

4 JULAI 2023 • DEWAN MERDEKA KUALA KUBU BAHRU. Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Turut hadir bersama pada majlis tersebut adalah Tuan Mohd Hasyr Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS, TPr Khairulzaman Ibrahim, Pengarah PLANMalaysia@Selangor, Supritendan Ahmad Faizal bin Tahrim, Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Puan Nor Shazilah binti Ibrahim, Penolong Pengarah Seksyen PBT UPEN Selangor serta Ahli Majlis, Agenzia Kerajaan dan Pengarah / Ketua Bahagian MPHS. Tahun 2023 merupakan tahun ke-2 pengajuran program ini dengan peruntukan

sebanyak RM120,000.00 berbanding tahun 2022 sebanyak RM100,000.00. Pada majlis tersebut **29 penerima geran** adalah terdiri daripada 7 penerima bagi Kategori Komuniti, 3 bagi Kategori NGO, 17 bagi Kategori Institusi Pendidikan dan 2 penerima Kategori Institusi Keagamaan. Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han dalam ucapan beliau mengucapkan tahniah kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor kerana telah berjaya melaksanakan inisiatif baru seperti ini dengan kelainan konsep bagi menggalakkan komuniti untuk sama-sama melaksanakan program dan inovasi baru selaras bagi mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Mampan 2030.



# MESYUARAT AGUNG TRITAHUNAN KALI KE-4 ANULAE

## CAWANGAN MPHS BAGI TAHUN 2023-2026



**5 JULAI 2023 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU.** Mesyuarat Agung Tritahunan Kali Ke-4 Anulae Cawangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor Bagi Tahun 2023-2026 telah dirasmikan oleh Y.Brs. Tuan Shaiful Rizza Bin Hj. Piamin, Timbalan Setiausaha Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Mesyuarat turut dihadiri, Encik Norman bin Haji Taib, Setiausaha Agung ANULAE Semenanjung Malaysia dan Encik Mohd Basir Bin Hj Desan (Pengerusi Anulae Cawangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor sesi 2020-2023). Seramai 364 orang ahli telah hadir pada mesyuarat pada kali ini daripada **423 orang ahli keseluruhan**. Mesyuarat kali ini melibatkan pemilihan ahli jawatankuasa yang baharu bagi sesi 2023-2026. Tahniah diucapkan kepada mereka yang telah terpilih dalam pengundian.



Senarai ahli jawatankuasa yang baharu bagi penggal 2023-2026:

**Pengerusi** Encik Mohd Yusuf bin Saidina Abu Bakar  
**Timbalan Pengerusi** Puan Azlida Binti Mohd Ali  
**Setiausaha** Puan Nurul Huda binti Khairuddin  
**Bendahari** Puan Nurul 'Ain binti Mohd Sharif

### Ahli Jawatankuasa :-

1. Encik Mohammad Effendi bin Rahim
2. Pn. Norfadillah binti Sarehan
3. Encik Mohd Hazwan bin Othman
4. Encik Aizul Azrin bin Mohd Badri
5. Encik Mazlan bin Ariffin
6. Puan Noorazian binti Anuar
7. Puan Noorazreen binti Anuar
8. Encik Mohd Farid bin Fadzil
9. Encik Sofyan Hardy bin Mohd Airis
10. Encik Sallehuddin bin Khasan
11. Puan Siti Norbainie binti Ramly
12. Encik Asmadi bin Harizan
13. Encik Abdul Wahab bin Ibat
14. Encik Muhammad Rosli bin Ariffin
15. Encik Mohd Saifulnizam bin Mohd Said

## LAWATAN KERJA MPKL BERKAITAN GARIS PANDUAN PEMURNIAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR (P3S) BAGI PEAKSANAAN AKTIVITI SUKAN PARAGLIDING

10 JULAI 2023 • TAMAN TASIK MILENIUM



Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima kehadiran bagi lawatan perkongsian ilmu Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) dengan diketuai oleh Tuan Khairul Azman Saroni, Timbalan Yang Dipertua MPKL. Kawasan utama lawatan adalah di Taman Tasik Milenium yang merupakan base aktiviti *paragliding* mendarat dan Bukit Batu Pahat merupakan tempat pelepasan aktiviti *paragliding*. Mereka turut dibawa ke kawasan perkhemahan Sungai Selangor, Pusat Informasi Pelancongan dan Lorong Seni Kuala Kubu Bharu. Sesi taklimat telah diadakan di bilik mesyuarat Sungai Chilling MPHS yang telah dihadiri oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS, Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairudin, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat serta pengarah dan wakil jabatan MPHS. Semoga dengan lawatan ini dapat merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Selangor bagi pelaksanaan program pemurnian pelancongan Selangor (P3S).



# SESI TAKLIMAT (TOWNHALL)

## BERSAMA PENYEWA PASAR AWAM SERENDAH

12 JULAI 2023 • SERENDAH

Sesi taklimat bersama penyewa bagi cadangan menaiktaraf 1 unit pasar awam 1 tingkat yang sediada di Mukim Serendah Daerah Hulu Selangor pada 12 Julai 2023 (Rabu) jam 2.30 petang... Pengarah JPPH telah memperkenalkan sesi taklimat yang turut dihadiri oleh Ketua Bahagian Korporat dan wakil jabatan serta Ahli Majlis MPHS. Sesi taklimat dan sesi soal jawab berjalan dengan lancar.



*Sentuhan Kasih*  
SELANGOR

**YB NGA KOR MING**  
MENTERI PEMBANGUNAN  
KERAJAAN TEMPATAN

13 JULAI 2023 • SEKITAR DAERAH HULU SELANGOR

Yang Berhormat, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah melakukan lawatan kerja ke beberapa kawasan di daerah Hulu Selangor bagi meninjau kawasan-kawasan projek di bawah peruntukan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Lawatan kerja ini di bawah Program Sentuhan Kasih KPkt, YB Menteri telah berkesempatan di bawa meninjau ke beberapa lokasi untuk melihat keperluan kemudahan awam serta infrastruktur di Seksyen 3, Bandar Utama Batang Kali, Kampung Stesen, Ulu Yam Lama, Kampung Asam Kumbang, Taman Kalumpang dan Kampung Air Panas, Hulu Selangor. Tuan Awaluddin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS telah memberikan taklimat ringkas berkaitan



### ANTARA PROJEK-PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN KPKT

1. Kerja-kerja menaik taraf parit utama di Kawasan Seksyen 3, Bandar Utama Batang Kali;
2. Kerja-kerja menaik taraf gelanggang bola keranjang sedia ada di Taman Kalumpang;
3. Kerja-kerja menyelenggara kolam takungan Taman Seri Batang Kali;
4. Kerja-kerja menaik taraf parit utam di Kawasan Sungai Buaya, Serendah;
5. Kerja-kerja pembinaan baharu kiosk di Kawasan Perbandaran Hulu Selangor;
6. Kerja-kerja menaik taraf pagar di sekeliling gelanggang bola keranjang tertutup di Kampung Asam Kumbang, Hulu Selangor;
7. Membaik pulih gelanggang badminton dan pemasangan pagar kawasan taman permainan Kampung Asam Kumbang;
8. Kerja-kerja menaik taraf pagar di sekeliling gelanggang bola keranjang dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Bukit Chandang;
9. Kerja-kerja menaik taraf longkang sedia ada.

# MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN (JKSTP)

## BAGI DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS GENTING HIGHLANDS

20 JULAI 2023 • SCAPES HOTEL, GENTING HIGHLANDS

Mesyuarat ini telah diadakan selaras dengan Seksyen 14(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Ianya bertujuan untuk mendengar bantahan dan cadangan yang telah diterima oleh pihak Majlis sepanjang Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Genting Highlands Hulu Selangor. Sebanyak 6 borang bantahan dan cadangan telah diterima sepanjang tempoh tersebut. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru (kini Pengurus Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti). Turut hadir sebagai Ahli JKSTP adalah TPr. Khairulzaman bin Ibrahim, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.



## BENGKEL SEMAKAN SEPARUH 彭加落目标工作坊 PENGGAL SASARAN KERJA TAHUNAN 2023

20-22 JULAI 2023 • ONE WORLD HOTEL, PETALING JAYA

Semua pengarah dari 19 jabatan MPHS telah hadir bagi menyemak pencapaian separuh penggal sasaran kerja tahunan 2023 dan pencapaian Pelan Strategik 2019-2023.



## YANG DIPERTUA BERSAMA PENDUDUK BANDAR SUNGAI BUAYA

25 JULAI 2023 • IBU PEJABAT MPHS.



yang dipengerusikan oleh Dato' Haji Ruslee bin Haji Hashim. Perjumpaan ini diadakan bagi mendengar cadangan dan permasalahan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Di akhir perjumpaan, pihak majlis telah menerima dokumen perkara yang dibincangkan yang telah disampaikan oleh pengurus GNBSB kepada Tuan Yang Dipertua, MPHS. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak majlis sentiasa komited dalam membantu masalah masyarakat di dalam kawasan pentadbiran MPHS. Turut hadir bersama pengarah dan wakil jabatan teknikal MPHS yang terlibat.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

## SESI LIBAT URUS JAWATANKUASA PERTUBUHAN PENGURUSAN TAMAN PERUSAHAAN (IPMC) MPHSTAHUN 2023

27 JULAI 2023 • DEWAN MERDEKA KUALA KUBU BHARU.

Program telah dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh YBhg. Dato Kevin Lai Tak Kuan, Pengurus Bersama IPMC MPHSTAHUN 2023. Ahli Jawatankuasa telah diberi taklimat daripada beberapa agensi seperti Malaysia Rail Link Sdn. Bhd., Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, MIDA@Selangor dan Invest Selangor Berhad. Selain itu, Ahli Jawatankuasa juga diberi peluang untuk pertanyaan, persoalan dan aduan berkaitan kawasan perindustrian di kaunter-kaunter yang telah disediakan seperti : JKR Hulu Selangor, Telekom Malaysia, KDEB Waste Management Sdn. Bhd. dan Jabatan / Bahagian Dalaman MPHSTAHUN 2023.



## SESI LIBAT URUS PROGRAM PEMUTIHAN TAPAK PERKHEMAHAN DAERAH HULU SELANGOR

27 JULAI 2023 • DEWAN MERDEKA KUALA KUBU BHARU. Satu Sesi Libat Urus Program Pemutihan Tapak Perkhemahan daerah Hulu Selangor telah diadakan pada 27 Julai 2023 (Khamis). Program turut di dihadiri Timbalan Yang Dipertua MPHSTAHUN 2023 bersama Unit Perancang Ekonomi negeri ini bertujuan menyampaikan makluman kepada 68 Pengusaha Tapak Perkhemahan berdaftar di Daerah Hulu Selangor berkaitan Kaedah Permohonan dan Garis Panduan Tapak Perkhemahan Hulu Selangor. Para pengusaha turut diberi taklimat berkaitan Keselamatan di air oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, kawalan Penyakit Malaria oleh Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor dan keperluan mendapatkan sokongan dari Jabatan Minerai dan Geosains Negeri Selangor sebelum mengemukakan permohonan ke MPHSTAHUN 2023.





**1 OGOS 2023 • PERKARANGAN IBU PEJABAT MPH S**. Majlis bertemakan **Malaysia Madani : Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan** dianjurkan bagi menzahirkan rasa kecintaan kepada negara dan menghayati makna kemerdekaan serta mengamalkan hidup bersatu padu antara kaum dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan rakyat yang mempunyai jati diri dan integriti. Majlis dimulakan dengan istiadat pemasangan jalur gemilang oleh anggota penguatuasa MPH S sebagai simbolik majlis pelancaran dengan disaksikan oleh 100 kakitangan MPH S seterusnya majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPH S bersama-sama dengan Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redza, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPH S serta Puan Law Suet Peng, Ahli Majlis MPH S. Majlis dimeriahkan lagi dengan serahan bendera kepada setiap jabatan MPH S oleh tuan Yang Dipertua dengan diwakili oleh pengarah dan ketua jabatan untuk dipasang di setiap jabatan. Beberapa kenderaan jabatan MPH S turut dipasang Jalur Gemilang sebagai simbolik kepada Kempen Kibarkan Jalur Gemilang. Diharapkan dengan simbolik ini dapat menaikkan semangat warga Hulu Selangor untuk turut bersama-sama memeriahkan sambutan kemerdekaan pada tahun ini.



## TAKLIMAT LAWATAN TAPAK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH BANGUNAN DEWAN KOMUNITI SERBAGUNA 1 TINGKAT DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI ATAS TAPAK REZAB DEWAN, PERSIARAN SEROJA, BUKIT SENTOSA



**7 Ogos 2023 • PERSIARAN SEROJA, BUKIT SENTOSA**. Taklimat ini bertujuan untuk memperkenalkan projek kepada kontraktor, memberi penerangan mengenai keperluan dan harapan, serta memastikan semua pihak memahami dengan jelas langkah-langkah yang perlu diambil untuk melaksanakan projek yang berjaya. Ini merupakan langkah awal dalam proses pembangunan projek yang dijadualkan.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

# ANUGERAH INOVASI PERINGKAT HULU SELANGOR 2023

9 OGOS 2023 • DEWAN KOMUNITI, SERENDAH



Penilaian Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) peringkat daerah Hulu Selangor 2023 telah menyaksikan **8** penyertaan daripada daerah Hulu Selangor yang mengambil bahagian di mana **7** penyertaan daripada kategori pihak berkuasa tempatan dan **1** penyertaan bagi kategori sekolah. Para peserta dinilai oleh 3 orang panel daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Semoga peserta penilaian awal ini mendapat keputusan yang cemerlang seterusnya melayakkan diri untuk ke penilaian akhir pada 18-21 September 2023.



## TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH BANGUNAN DEWAN BANQUET 2 TINGKAT DI TAMAN TASIK MILENIUM, KUALA KUBU BHARU

7 Ogos 2023 • DEWAN MESYUARAT CHILING, MPHS. Timbalan Yang Dipertua, Tuan Awaluddin bin Zakaria, bertindak sebagai pengurus majlis taklimat dan lawatan tapak. Arkitek yang dilantik dijemput untuk memberikan penerangan berkaitan projek kepada semua kontraktor yang hadir. Taklimat ini bertujuan untuk memperkenalkan projek kepada kontraktor, memberi penerangan mengenai keperluan dan harapan, serta memastikan semua pihak memahami dengan jelas langkah-langkah yang perlu diambil untuk melaksanakan projek yang berjaya. Ini merupakan langkah awal dalam proses pembangunan projek yang dijadualkan.





19 OGOS 2023 • PEKAN KUALA KUBU BHARU.



Kuala Kubu Bharu telah menyaksikan kehadiran warga Hulu Selangor menyertai program Hari Tanpa Kenderaan pada kali ini. Sambutan yang amat menggalakkan dari pelbagai bangsa dan peringkat umur dengan pelbagai acara menarik yang telah disediakan juga 400 peserta terawal telah menerima t-shirt keluaran khas Hari Tanpa Kenderaan. Program juga dimeriahkan dengan pelbagai hadiah cabutan bertuah. Program seumpama ini adalah inisiatif pihak MPHS mendidik rakyat khususnya warga Hulu Selangor tentang pemeliharaan alam sekitar disamping memupuk semangat perpaduan dengan pelaksanaan program seumpama ini.

Tanpa Kenderaan. Program juga dimeriahkan dengan pelbagai hadiah cabutan bertuah. Program seumpama ini adalah inisiatif pihak MPHS mendidik rakyat khususnya warga Hulu Selangor tentang pemeliharaan alam sekitar disamping memupuk semangat perpaduan dengan pelaksanaan program seumpama ini.



## MPHS GALAK PENGGUNA BAWA BEG GUNA SEMULA SEBAGAI SOKONGAN KEMPEN BEBAS BEG PLASTIK



19 Ogos 2023 • PEKAN KUALA KUBU BHARU MPHS melancarkan Kempen Bebas Beg Plastik dan Polisterina bersempena Hari Tanpa Kenderaan Daerah Hulu Selangor. Inisiatif ini dapat memupuk kesedaran masyarakat berkaitan penggunaan beg plastik dan menyokong hasrat kerajaan yang mensasarkan tiada lagi penggunaan beg plastik di semua premis dan sektor perniagaan di seluruh negara pada tahun 2025. Dirasmikan oleh Yang Dipertua MPHS, Mohd Hasry Nor Mohd dengan

disaksikan oleh Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar Raja Redzwa, Pengarah Jabatan Pelesenian MPHS, Kamaruzzaman Abd Rahman dan Ahli Majlis MPHS. Kempen ini adalah salah satu daripada pelan jangka panjang kerajaan dalam menangani isu pencemaran sisa plastik sekali guna di Malaysia. Oleh itu, beberapa tip boleh digunakan oleh orang ramai sebagai tanda sokongan kepada kempen ini antaranya :

1. Bawa beg guna semula
2. Bawa botol air guna semula
3. Bawa cawan guna semula
4. Bawa bekas makanan guna semula
5. Elakkan peralatan pakai buang
6. Elakkan penggunaan beg plastik
7. Makan di premis.



# MPHS CYCLING TEAM

3 SEPTEMBER 2023

• KUALA TERENGGANU.

MPHS Cycling Team turut menyertai program berbasikal kayuhan santai berkonsepkan 'fun ride' terbesar di Terengganu. Seramai 3,500 peserta telah memeriahkan program berbasikal ini. TSG Shimano Fellowship Ride 2023 yang kini memasuki edisi penganjuran kali ke-4 dengan kayuhan sejauh 94km. MPHS Cycling Team telah disertai oleh Ahmad Azhar bin Rosli, Alfian bin Mazlan, Mohd Saiful Izzuan bin Roslan, Muhammad Rafiuddin bin Hamdan, Nor Azmi bin Mehat, Mohd Faiz Akmal bin Yahya, Mohd Faizal bin Mohd Ali, Mohd Farid bin Fadzil, Wan Mohamad Fazrul bin Wan Rosli, Mohd Rosdi bin Mohd Rajab, Zulkifli bin Jamaludiin, Mohd Assha Shaari dan Muhammad Yusnizam bin Yunus.



## LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN, MELAKA

4 SEPTEMBER 2023 • MPHS. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) Majlis Perbandaran Hulu Selangor menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Landskap dan Perkhidmatan Bandar, Majlis Perbandaran Jasin diketuai oleh LAr. Tn. Haji Khamaludin bin Othman. Seramai 3 orang pegawai terlibat dalam kunjungan tersebut Pihak MP Jasin berminat untuk mengetahui lebih lanjut cara dan kaedah yang digunakan oleh MPHS dalam menangani isu anjing liar di kawasan Hulu Selangor seterusnya berhasrat untuk membincangkan penganjuran kursus penangkapan dan pelupusan anjing terbiasa yang dilaksanakan di MPHS dalam sesi tersebut, pihak MP Jasin turut dibawa melawat ke paun simpanan haiwan MPHS dan berpeluang untuk berkongsi serta bertukar idea khususnya dalam perlaksanaan kerja-kerja yang berkaitan dengan Bahagian Kesihatan Awam.



## PERHIMPUNAN PAGI MPHS

5 SEPTEMBER • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU

Majlis Perhimpunan Bulanan Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang telah dihoskan oleh Jabatan Landskap. Perhimpunan turut dihadiri oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Tuan Mohd Hasyr Nor Mhd dan Timbalan Yang Dipertua, Tuan Awaluddin Zakaria dan barisan Ahli-Ahli Majlis MPHS. Dalam sesi ini Tuan Mohd Hasyr turut meneraharkan Pelan Antirasuah Organisasi bagi Majlis Perbandaran Hulu Selangor kepada Ybrs, Tuan Ridzuan bin Abd Malik, Penolong Kanan Pesuruhjaya Timbalan Pengarah Pencegahan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Selangor sebagai simbolik Pelancaran Pelan Antirasuah (OICP) di MPHS.



Turut diadakan sesi ikrar akur janji pegawai dan kakitangan yang dinaikkan pangkat dan lantikan baru MPHS yang diketuai oleh Encik Normadi bin Mahfool, Pembantu Penguatkuasa KP22.

Seramai 21 orang pegawai dan kakitangan bertaraf tetap dan kontrak yang terlibat dalam sesi akur janji tersebut.

Seterusnya penyerahan surat pelantikan bagi Program Pementoran Tahun 2023 MPHS yang melibatkan 10 orang mentor dan 10 orang menti. Selain itu juga buat julung kalinya MPHS memberi penganugerahan Pekerja Contoh bagi tempoh Januari-Jun 2023 kepada Encik Mohd Heiri Helmi bin Abu Bakar, Penolong Pegawai Senibina yang telah mendapat surat penghargaan daripada pelanggan atas perkhidmatan cemerlang beliau.



## BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK 2024-2028 MPHS



6-8 SEPTEMBER 2023 • SUNWAY RESORT HOTEL, PETALING JAYA.

Bengkel Pembangunan Pelan Strategik telah disertai oleh Tuan Mohd Hasyr bin Nor Mhd, Yang Dipertua MPHS, Timbalan Yang Dipertua Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian serta wakil-wakil jabatan. Bengkel pembangunan ini diadakan dengan khidmat rundingan pihak MAMPU. Pengurus Projek adalah Puan Fariza binti Mohamad Farid dan dibantu oleh Encik Simon Mancha Anak Maring dan Cik Nurul Atikah binti Abu Bakar. Sesi bengkel telah membincangkan dan menentukan Visi dan Misi baharu bagi Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut disediakan draf Pelan Strategik 2024-2028 MPHS yang mengandungi 3 teras, 14 strategik dan 60 program.



# WINGS ON KKB SELANGOR BIRD FAIR

9-10 SEPTEMBER 2023  
KUALA KUBU BHARU

Seramai **500** orang peserta telah turut serta yang melibatkan 10 acara yang dipertandingkan. Tidak lupa kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memeriahkan acara ini. Terima kasih kepada pensyarah, guru-guru pengiring

serta ibu bapa yang turut memberi sokongan terhadap peserta yang menyertai program ini. Jutaan terima kasih kepada agensi yang terlibat dalam membuat pameran dan berkongsi ilmu kepada masyarakat



khususnya kepentingan terhadap menghargai alam sekitar melalui aktiviti memerhati burung. Tahniah kepada semua peserta yang memenangi acara yang dipertandingkan.



## LAWATAN TEKNIKAL PESERTA GERAN KHAS KOMUNITI MAMPAN 2.0 MPHS 2023

12 SEPTEMBER 2023 • CYBERJAYA DAN PUTRAJAYA

M PHS telah membuat lawatan teknikal Peserta Geran Khas Komuniti Mampan 2.0 MPHS 2023 ke Cyberview Sdn. Bhd, **Cyberjaya** dan Kebun Komuniti 4 (KK4), **Putrajaya**. Seramai 58 orang peserta terlibat di dalam lawatan kerja ini yang diketuai TPr. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Perancang Bandar, MPHS. Turut serta pada lawatan tersebut adalah Puan Law Suet Peng dan Encik Alwin Chan (Ahli Majlis) bersama Jabatan Dalaman MPHS dan Peserta Geran Khas Komuniti Mampan 2.0 yang terdiri daripada Persatuan Penduduk, KRT, JMB, NGO dan Guru Sekolah sekitar Hulu Selangor. Tujuan lawatan adalah untuk memberi pendedahan awal kepada para peserta geran dalam melaksanakan projek dan inisiatif berdasarkan kepada peruntukan yang telah disalurkan. Lawatan Pertama telah disambut oleh Encik Ahmad Faizul Ramli, Ketua Pegawai Operasi, Cyberview Sdn. Bhd. Pada lawatan ini peserta diberikan taklimat berkaitan Rangka Kerja ESG, Inisiatif Kemapanan dan Bangunan Bertaraf GBI yang telah dilaksanakan oleh pihak Cyberview Sdn. Bhd. Peserta turut dibawa melawat ke Rumah Hijau yang dilaksanakan oleh UFT Urban Farm Tech dan Bangunan Rekabentuk Mampan iaitu di Rekandscape, Cyberjaya. Lawatan Kedua peserta telah dibawa ke Kebun Komuniti 4 (KK4), Putrajaya. Lawatan telah disambut oleh Tn. Hj. Mustafa Kamal Bin Ismail, Pengarah Hortikultur Dan Pertanian Bandar, Perbadanan Putrajaya. Pada sesi ini peserta diberi taklimat ringkas berkaitan Pembangunan Kebun Komuniti di Kawasan Putrajaya. Peserta turut dibawa melawat ke sekitar Kawasan Kebun Komuniti terebut untuk mempelajari kaedah tanaman dan konsep tanaman yang ada. Pihak MPHS berharap pengalaman dan ilmu yang diterima sepanjang lawatan ini dapat diterjemahkan kepada pelaksanaan projek.



## OPERASI BERSEPADU PEMERIKSAAN PREMIS PERNIAGAAN WARGA ASING

13 SEPTEMBER 2023

KAWASAN PERNIAGAAN JALAN ORKID, BUKIT SENTOSA

Operasi ini melibatkan 54 anggota operasi terdiri dari pelbagai jabatan dan agensi iaitu penguatkuasa MPHS, Jabatan Pelesenan MPHS, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam MPHS, Bahagian Korporat MPHS, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara (KPDN) Cawangan Kuala Kubu Bharu dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan telah menyita sebuah kedai makan di Jalan Orkid 2B, Kawasan Perniagaan Jalan Orkid, Bukit Sentosa. Berdasarkan kepada pemerhatian anggota operasi, premis berkenaan sememangnya menjalankan perniagaan kedai makan dan membenarkan pelanggan makan di dalamnya. Premis tersebut juga didapati tidak memilik kelulusan/lesen yang dikeluarkan oleh MPHS. Anggota operasi telah bertindak menyita bahan-bahan jualan dan juga peralatan-peralatan di dalam premis tersebut berpandukan kepada UUK 3(1) dan 57, Undang-Undang Kecil Establismen Makanan (MDHS) 2007. Tindakan penguatkuasaan ini diambil berikutan kegagalan pemilik premis tersebut mematuhi arahan notis am yang dikeluarkan di bawah UUK 3(1) dan 57, Undang-Undang Kecil Establismen Makanan (MDHS) 2007 yang diserahkan pada 4 September 2023 yang lalu yang mana pemilik premis dikehendaki menghentikan operasi perniagaannya.



## MPHS TERIMA KUNJUNGAN DELEGASI MAJLIS DAERAH BESUT

18 SEPTEMBER 2023

BILIK MESYUARAT CHILING, MPHS

Kunjungan bertujuan untuk perkongsian ilmu berkenaan kriteria-kriteria penaiktarafan perbandaran dalam memberi panduan kepada MD Besut untuk mencapai hasrat menaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Besut menjelang 2025. Seramai 20 delegasi termasuk ahli majlis dan pengarah jabatan MD Besut yang menyertai lawatan ini yang diketuai oleh Setiausaha MD Besut, Abd Hadi bin Mamat. Sesi taklimat telah disampaikan oleh TPr. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPHS dengan dihadiri oleh Tuan Mohd Hasry Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS, Tuan Awaluddin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS serta pengarah dan wakil jabatan MPHS. Pihak MPHS merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian pihak MD Besut untuk hadir ke Hulu Selangor. Semoga dengan pertemuan ini dapat mengeratkan lagi hubungan dua hala diantara PBT.



## DARIPADA ANDA UNTUK ANDA



17 SEPTEMBER 2023

**800**  
PESERTA  
KATEGORI



**ROAD BIKE**  
Men Open  
Men Junior Master  
Men Master  
Women Open  
Corporate Team Open



**Mountain Bike**  
Men open  
Men junior master  
Men master  
Women open

Pelepasan perlumbaan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPHS, Tuan Mohd. Hasyr Nor Mohd Bersama Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar Raja Redzwa, MOTAC Malaysia, Muhamad Roslan Khalid dan Timbalan Yang Dipertua MPHS, Awaluddin Zakaria. Pemegang gelaran King Of Mountain telah disandang oleh Mohd Hafiz Abd. Hamid dengan catatan masa 19 minit 34 saat. Manakala bagi gelaran Queen Of Mountain disandang oleh Ju Pha Som Net dengan catatan masa 23 minit 2 saat.



Penganjuran kejohanan ini bermula dengan penganjuran yang sederhana sehingga menjadi salah satu acara bukan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) paling berprestij dalam kalender perlumbaan di seluruh negara. Semua penunggang sukan berbasikal perlu merasai sendiri pengalaman menyertai pertandingan yang menyeronokkan ini dan ianya mampu menarik minat penggemar sukan berbasikal sama ada amatur maupun profesional, katanya lagi. Penganjuran sukan ini akan dijadikan sebagai aktiviti tahunan MPHS memandangkan bilangan penyertaan yang menggalakkan daripada peminat sukan berbasikal. Secara tidak langsung, ianya juga dapat menarik pelancong-pelancong luar untuk merasai pengalaman berada di Hulu Selangor yang menghijau ini.

Yang Dipertua MPHS.

# Majlis MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR (MPHS) DAN MANAGEMENT & SCIENCE UNIVERSITY (MSU)

**18 SEPTEMBER 2023 • KAMPUS MSU.** Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Management Science University (MSU) hari ini menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai tanda persetujuan untuk menjalinkan **kerjasama strategik dan persefahaman dalam aspek kepakaran, pendidikan, ekonomi, sosial serta kesihatan bagi tempoh 3 tahun iaitu 2023 sehingga 2026**. MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Tuan Mohd Hasry Bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor bersama YBhg. Tan Sri Dato Wira Dr Mohd Shukri Ab Yajid, Presiden MSU.

MoU ini merupakan satu langkah susulan kepada kerjasama yang telah wujud sebelum ini supaya dapat terus diperkuuhkan lagi dalam bidang-bidang berpotensi untuk diterokai secara bersama. Antara beberapa inisiatif dan kerjasama yang telah dipersetujui adalah Pemeriksaan mata warga kerja MPHS dan pembekalan cermin mata kepada warga kerja MPHS. Hasil seawaan sebahagian bangunan kedai perniagaan di Kawasan Perniagaan Jalan Bunga Pakma, Bukit Beruntung ke dalam Tabung Endowmen MPHS untuk membayai program-program kemasyarakatan dan bantuan serta sumbangan kepada penerima manfaat Tabung Endowment tersebut. Peluang melanjutkan pelajaran di MSU kepada warga kerja MPHS dengan Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat bagi meningkatkan kompetensi diri dan kemajuan kerjaya dalam melaksanakan kerja hakiki di jabatan. Perkhongsian pintar dalam bidang kepakaran antara MPHS dan MSU berkenaan kependudukan, perniagaan/perindustrian dan pembangunan fizikal di kawasan Hulu Selangor serta perkongsian maklumat dalam kajian eco-pelancongan. Perkhidmatan kaunseling kepada warga kerja MPHS yang memerlukan khidmat kaunselor berdaftar. Pelantikan panel pembekalan cermin mata MSU boleh dibuat dalam kalangan kedai cermin mata yang terdapat di dalam daerah Hulu Selangor untuk memudahkan urusan pemeriksaan dan membuat



cermin mata yang baru bagi warga kerja MPHS. Pembinaan sebuah Pusat Inovasi menggunakan teknologi IBS yang sangat rendah kadar pelepasan karbon dalam mendukung aspirasi SDG dan LCCF. Projek ini julung kali diadakan oleh pihak PBT, MPHS melihat projek ini mampu merealisasikan usaha ke arah bandar rendah karbon pada 2030. Lanjutan daripada MoU ini, pihak MPHS juga menyeru agar MSU sebagai salah satu Institusi Pengajian Tinggi yang terkenal agar terus meneroka peluang kerjasama khususnya dalam menarik taraf status ekonomi penduduk setempat. Contohnya MSU menawarkan kursus TVET yang mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti dalam kalangan B40 di Hulu Selangor. Turut hadir, YAD. Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, ahli-ahli majlis MPHS serta pengarah dan ketua jabatan MPHS.



## AUDIT PEMATUHAN MANUAL OSC 3.0 PLUS PBT 2023 OLEH JABATAN KERAJAAN TEMPATAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN (JKT, KPKT)

**20 SEPTEMBER 2023 • MPHS.** MPHS telah menerima kunjungan daripada pasukan audit KPKT bagi pematuhan kepada *Manual OSC 3.0 Plus* Pihak Berkuaasa Tempatan untuk Tahun 2023. Pasukan Audit telah disambut oleh Timbalan Yang Dipertua Tuan Awaluddin bin Zakaria, Ketua Bahagian OSC Encik Mohd Razaini bin Ishak, serta pengarah-pengarah dan wakil jabatan MPHS. Sesi pengauditan yang diketuai oleh Ar. Idr. Suzana binti Amat yang dibantu oleh Encik Mohamad Norlan bin Ismail bersama tiga auditor yang lain adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan dan mengukur prestasi semua pihak yang terlibat dengan proses pemajuan bagi tindakan penambahbaikan secara berkesan. Ia juga bagi memastikan penyampaian perkhidmatan menjadi lebih cepat dan efisien tanpa mengabaikan elemen-elemen mesra pelabur. Terdapat 2 sesi pengauditan iaitu sesi audit kendiri secara atas talian yang telah diselesaikan dan sesi audit secara bersemuka bersama Bahagian OSC dan jabatan-jabatan teknikal MPHS. Diharapkan audit seperti ini dapat diteruskan bagi memastikan MPHS terus cemerlang di samping membina jalinan hubungan dan kerjasama yang mantap di antara MPHS dan KPKT.



## LAWATAN PEGAWAI BELIA DAN SUKAN DAERAH HULU SELANGOR

**25 SEPTEMBER 2023** • IBU PEJABAT MPHS. Yang Dipertua MPHS, Mohd Hasry Nor Mohd menerima kunjungan hormat daripada Pegawai Belia dan Sukan, Puan Normiza Binti Kadar Maidin daripada Pejabat Belia dan Sukan Daerah Hulu Selangor bertempat di Ibu Pejabat, MPHS. Tujuan pertemuan ini diadakan untuk memberi taklimat berkenaan perlaksanaan dan penganjuran Hari Sukan Negara peringkat Daerah Hulu Selangor yang akan dilaksanakan pada 14 Oct 2023 selain untuk mengukuhkan jalinan kerjasama antara Pejabat Belia dan Sukan Daerah Hulu Selangor dan MPHS. Selain itu, turut dibincangkan mengenai pembangunan belia di dalam Daerah Hulu Selangor.



## KUNJUNGAN LAWATAN KERJA YB EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR



**25 SEPTEMBER 2023** • HULU SELANGOR. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima kunjungan lawatan kerja Yang Berhormat Ng Sue Lim, Exco Kerajaan tempatan dan Pelancongan Negeri Selangor ke daerah Hulu Selangor. Kehadiran YB telah disambut oleh Yang Dipertua MPHS bersama pegawai MPHS. Hulu Selangor menjadi destinasi pertama lawatan kerja Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan bagi meninjau dan melihat sendiri produk-produk pelancongan yang terdapat di daerah ini. Ianya sebagai persediaan kerajaan negeri sempena Tahun Melawat Selangor 2025 dalam melihat sendiri peluang produk-produk pelancongan yang berpotensi



tinggi untuk diketengahkan yang ada di negeri ini. Bermula dengan taklimat Pembangunan dan Pelancongan Daerah Hulu Selangor yang disampaikan oleh Tuan Awaluddin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS. Deligasi dibawa ke beberapa lokasi pelancongan di daerah ini seperti lorong seni di pekan Kuala Kubu Bharu, Paragliding Park di Taman Tasik Milenium, Produk glamping di Fraser Valley dan Rumah Hutan Terapi Alam di Batang Kali. YB exco bersama ahli rombongan turut berkesempatan merasai sendiri melakukan aktiviti paragliding di Bukit Batu Pahat dan mendarati di Padang Taman Milenium. Dengan bertemakan **'Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!'** kerajaan negeri mensasarkan seramai lapan juta pelancong tempatan dan luar negara yang akan datang melawat ke negeri ini sempena Tahun Melawat Selangor 2025 nanti. Oleh itu, semua pihak harus memainkan peranan bukan sahaja kerajaan negeri dan Tourism Selangor malah pihak PBT juga perlu membantu dan memainkan peranan dalam mempromosikan tempat-tempat pelancongan yang ada di Selangor ini. Turut hadir bersama YAD Raja Dato Muzaffar Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Hajah Norita Mohd Sidek, Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor Incorporated, Azrul Shah Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif, Tourism Selangor Sdn.Bhd, Awaluddin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS serta Ahli Majlis dan pengarah jabatan MPHS.



# MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DIANTARA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ) DAN MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR (MPHS) SEBAGAI BANDAR PERSAHABATAN (FRIENDSHIP CITY)



**25 SEPTEMBER 2023 • DEWAN SIVIK MBPJ.** Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) sebagai tanda persetujuan dan pelawaan dari MBPJ melibatkan perkongsian idea, pengalaman, amalan baik (*best practices*) dan kerjasama sesama PBT di Malaysia di dalam Program Bandar Persahabatan. Majlis Menandatangi MOU telah dimeterai oleh Ybrs. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor bersama Ybrs. Tuan Mohd Azhan bin Md Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya serta Ybrs. Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Ybrs. Tuan Aznan bin Haji Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya. Majlis tersebut telah belangsung sempena Malam Apresiasi 1st Asia Pacific Youth Folklore Festival pada 25 September 2023 yang lalu bertempat di Dewan Banquet, Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya. MoU diantara kedua-dua pihak ini akan merangkumi pelbagai aspek dalam jalinan kerjasama yang terdiri daripada Pelan Strategik Bandaraya Mampang, Tadbir Urus Baik, Kompetensi Warga Kerja, Kepimpinan Pelajar, Komuniti dan NGO, Keusahawanan dan Ekonomi, Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan, Inovasi dan Kreativiti, dan hal ehwal lain yang dipersetujui bersama. Turut hadir bersama di dalam majlis ini adalah Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Pengarah serta Ketua Jabatan, Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



## AUDIT MS ISO 9001:2015

**2-3 OKTOBER 2023 • BILIK MESYUARAT CHILING, MPHS**

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah diaudit bagi Audit Pemantauan (1) MS ISO 9001:2015 pada 2-3 Oktober 2023 yang lalu. Sesi Pengauditan telah diketuai oleh TS. Norlizawati binti Yusof dibantu oleh Puan Nur Amira binti Amran, dan Puan Aisah Sanai Razali daripada Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan, SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Skop Pensijilan yang didaftarkan adalah Perkhidmatan Pihak Berkusa Tempatan Bagi Perbandaran Hulu Selangor (Merangkumi Perkhidmatan Utama Dan Sokongan Kerajaan Tempatan). Mesyuarat Pembukaan Audit Pemantauan (1) MS ISO 9001:2015 telah dipengerusikan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua, MPHS.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

# TERIMA SIJIL BERSIH (SIJIL TANPA TEGURAN) PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN DARIPADA JABATAN AUDIT NEGARA - MPHS BERJAYA KEKAL KECEMERLANGAN



**4 OKTOBER 2023 • BILIK MESYUARAT CHILING.** Mesyuarat Penutup Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 telah dijalankan pada 4 Oktober 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama MPHS. Hasil daripada perbincangan mesyuarat tersebut, MPHS berjaya mengekalkan kecemerlangan apabila berjaya menerima Sijil Bersih (Sijil Tanpa Teguran) pengauditian penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor. Majlis dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua MPHS Tuan Awaluddin Bin Zakaria dengan dihadiri Pengarah Audit Negara, Negeri Selangor Puan Zirawati Binti Kadir, Timbalan Penolong Pengarah Audit Encik Abdul Sattar Bin Harun, Ketua Pasukan Audit Encik Tay Yih Thern dan pasukan audit daripada Jabatan Audit Negara Negeri Selangor. Turut hadir bersama pengarah-pengarah Jabatan dan wakil jabatan MPHS. Tahniah kepada semua warga kerja MPHS di atas kejayaan yang membanggakan ini. Diharapkan MPHS akan terus maju dengan memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan telus kepada rakyat Hulu Selangor.



## NAZIRAN TERHADAP URUS TADBIR PENGURUSAN PEMBERIAN JALAN NEGERI (MARRIS) DI AGENSI-AGENSI PELAKSANA TAHUN 2023 MPHS

**9 OKTOBER 2023 •**  
MPHS, KUALA KUBU BHARU, HULU BERNAM  
DAN BATANG KALI

Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima kunjungan naziran daripada Perbadanan Negeri Selangor (PNS) dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri. Seramai 20 orang naziran telah terlibat dalam sesi audit pada kali ini. Skop naziran meliputi perakuan dan pembayaran, perolehan, rekod data jalan MARRIS Online dan teknikal (BQ) dan lawatan di tapak projek. Sebanyak 47 senarai projek telah diaudit dokumen dan 3 projek telah dipilih untuk diaudit di lapangan. Sesi pengauditan telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Utama Sungai Chilling. Manakala, lawatan tapak telah dijalankan di kawasan Kuala Kubu Bharu, Hulu Bernam dan Batang Kali.



# MAJLIS TAMAT LATIHAN ANGGOTA PENGUATKUASA MPHS

4 OKTOBER 2023 • STADIUM MINI KUALA KUBU BHARU



Majlis Tamat Latihan Pembantu Penguatkuasa, Unit Tempat Letak Kereta (TLK), Pemakaian Pangkat Pembantu Penguatkuasa (KP22) dan Koperal serta Majlis Persaraan Anggota Penguatkuasa Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah diadakan bertempat di Stadium Mini Kuala Kubu Bharu pada 4 Oktober 2023. Majlis ini diadakan bagi meraikan 7 anggota penguatkuasa baharu yang telah menamatkan Latihan Asas Pembantu Penguatkuasa Unit Tempat Letak Kereta (TLK), Majlis Perbandaran Hulu Selangor Siri 1/2023. Kursus ini dianjurkan oleh Jabatan Penguatkuasaan MPHS bertujuan bagi melahirkan anggota penguatkuasa yang berilmu, bersahsiah dan berintegriti dalam menjalankan tugas. Kursus yang diadakan selama 2 bulan ini juga memberi pendedahan kepada anggota untuk memahami undang-undang yang berkaitan yang digunakan oleh MPHS selain menjalani kawad asas dalam membentuk disiplin diri dan kerjasama antara anggota di dalam sebuah pasukan. Anggota yang baharu dilantik ini akan ditempatkan di bawah Unit Tempat Letak Kenderaan (TLK) sebagai persediaan pihak MPHS bagi melaksanakan tempat letak kenderaan berbayar di daerah ini yang akan dilaksanakan tidak lama lagi. Pada masa yang sama,

seramai 3 anggota penguatkuasa telah dianugerahkan kenaikan pangkat. Seorang anggota penguatkuasa iaitu Inspektor Normadi bin Mahfool dinaikkan pangkat kepada Pembantu Penguatkuasa (KP22) manakala dua anggota pembantu penguatkuasa telah dilantik ke pangkat Koperal iaitu Koperal Tengku Amir Nasir bin Tengku Ngah dan Koperal Muhammad Fariz bin Mat Nasir. Selain itu, turut diadakan Majlis Persaraan Pembantu Penguatkuasa, Sarjan Khairul Nazri bin Abd. Rahim yang telah berkhidmat selama 28 tahun di MPHS. Pihak Majlis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada MPHS. Majlis penyampian sijil dan pemakaian pangkat telah disempurnakan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua, MPHS dengan diiringi oleh Encik Azrul Nizam, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan. Turut hadir bersama pengarah-pengarah jabatan MPHS serta ahli keluarga anggota penguatkuasa. Tahniah kepada semua anggota kerana terpilih dan berjaya. Diharapkan anggota-anggota penguatkuasa yang baharu ini dapat menjalankan kerja dengan penuh berintegriti, berdedikasi dan menjaga kualiti kerja demi menjaga nama baik MPHS.



## CABUTAN UNDI DAN TENDER



10 OKTOBER 2023 • MPHS. Perolehan secara undian telah dijalankan pada tarikh dan masa yang ditetapkan di atas. Sebanyak 16 kerja yang ditawarkan, terdiri daripada 3 sebut harga yang melibatkan kerja-kerja Awam menggunakan kod bidang G1 CE 01 & CE 21 dan 13 sebut harga yang melibatkan kerja-kerja bangunan menggunakan kod bidang G1 B04 atau B 24. 145 kontraktor tempatan dalam daerah Hulu Selangor telah hadirkan diri untuk menyertai proses pengundian tersebut dengan pecahan seramai 120 orang kontraktor menyertai kerja undi bangunan dan 25 orang kontraktor untuk kerja undi awam. Keseluruhan 16 kontraktor telah berjaya dalam proses pengundian tersebut.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

## BENGKEL PENGURUSAN KANDUNGAN LAMAN WEB DAN MEDIA SOSIAL RASMI

**12-13 OKTOBER 2023 • SAUJANA HOTEL, KUALA LUMPUR.** Bengkel Pengurusan Kandungan Laman Web dan Media Sosial MPHS ini merupakan prakarsa transformasi untuk memastikan penyampaian MPHS menepati keperluan, kehendak dan aspirasi rakyat dalam penggunaan media sosial yang memudahkan agensi perkhidmatan awam untuk menyampaikan maklumat dan berinteraksi dengan pelanggan. Bengkel ini diadakan bagi membuat semakan semula, mengemaskini dan membuat penambahan kandungan baharu Laman Web MPHS mengikut keperluan informasi jabatan kepada rakyat, menyelaras semua program dan aktiviti jabatan di Kalender Google agar tiada berlaku pertindihan tarikh program serta mengemaskini info atau maklumat program dan laporan dalam media sosial dan laman sesawang MPHS oleh jabatan yang menganjurkan program disamping Mesyuarat Jawatankuasa Multimedia dan Kandungan Kreatif bil. 1/2023 turut diadakan. Seramai 23 orang Ahli Jawatankuasa Multimedia dan Kandungan Kreatif MPHS telah hadir yang mewakili 19 jabatan/bahagian/unit di MPHS. Turut hadir bersama Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua merangkap Pengerusi Jawatankuasa Multimedia dan Kandungan Kreatif MPHS. Beliau menyarankan agar keberkesanan dalam menyampaikan maklumat dengan fakta bagi mengelakkan persepsi masyarakat/penduduk dengan pertuduhan yang tidak berasas terhadap perkhidmatan MPHS. Tuan Timbalan YDP turut berterima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Multimedia dan Kandungan Kreatif MPHS atas komitmen dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dalam menyampaikan maklumat kepada Masyarakat atau penduduk khususnya bagi pembayar Cukai Taksiran MPHS.



## MPHS RAI MEDIA MELALUI WATER RAFTING

**19 OKTOBER 2023 • SUNGAI SELANGOR, KUALA KUBU BHARU**

Penganjuran aktiviti ini merupakan inisiatif Bahagian Korporat MPHS bagi meraikan dan mengiktiraf kerjasama dan sumbangan pihak media yang telah banyak membantu dalam menyebarluas liputan dan publisiti mengenai MPHS. Program yang melibatkan seramai 30 peserta itu turut disertai rakan media daripada agensi China Press, Kosmo dan Radio Televisyen Malaysia (RTM). Turut terlibat sama pasukan keselamatan terdiri daripada 6 orang anggota Bomba dan 2 orang Angkatan Pertahanan Awam (APM). Aktiviti telah bermula sekitar jam 9.30 pagi dimulakan dengan sesi taklimat keselamatan dan teknik mengendalikan bot sebagai persediaan menghadapi situasi kecemasan yang disampaikan oleh operator yang dilantik. Semua peserta telah dibawa menyelusuri sepanjang 7km Sungai Selangor dengan halangan-halangan yang mencabar yang mengambil masa selama hampir 4 jam untuk sampai ke destinasi. Aktiviti 'water rafting' dipilih pada tahun ini bagi memberi pengalaman baru kepada rakan media untuk merasai sendiri aktiviti sukan lasak disamping mempromosikan aktiviti-aktiviti menarik di daerah ini yang menjadi tarikan kepada pengunjung luar untuk datang ke Hulu Selangor. Selain itu, aktiviti ini juga julung kali dianjurkan bersama media bagi mempelbagaikan usaha menghargai rakan media yang selama ini bertindak sebagai penghubung yang mendekatkan MPHS dengan warga Hulu Selangor menerusi liputan

dan kupasan yang diterbitkan berkaitan isu-isu yang relevan dan konsisten sepanjang tahun. Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Perbandaran Hulu Selangor yang disambut pada bulan ini, program ini juga sebagai tanda terima kasih kepada rakan media yang selama ini telah memberi sokongan padu dan tanpa jemu terutamanya terhadap program-program dan isu-isu berkaitan pembangunan dan usaha-usaha MPHS dalam memacu kemajuan daerah dan kesejahteraan warga Hulu Selangor.



# Star Fest

MPHS  
21TH

21 OKTOBER 2023 • TAMAN TASIK MILENIUM, BUKIT SENTOSA. Julung kali dibawakan bersempena dengan **Sambutan Ulangtahun Perbandaran ke-2**, program seperti ini bertujuan menyemarakkan lagi sektor pelancongan dan pendidikan negeri Selangor serta kawasan sekitar. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dengan sokongan

Sahabat Langit Utara (SALUT) dan *International Astronomical Union Office of Astronomy for Development (IAU-OAD)* berbangga dengan pengajuran program seumpama ini.



21 OKTOBER 2023 • PERSIARAN AS-SALAM, BUKIT SENTOSA

Sekali lagi warga Hulu Selangor disajikan dengan program Hari Tanpa Kenderaan dengan pelbagai lagi acara menarik dan meriah antaranya Kayuhan Santai, Senamrobik, Pemeriksaan Kesihatan, Petting Zoo, Suppa Duppia, Pertandingan Mewarna, Comedy Magical Clown Show, Magic Show, Face Painting, Mencanting Batik, Cabutan Bertuah, Pameran Agensi, Perpustakaan Bergerak, Pelbagai Gerai Jualan dan banyak lagi. Penglibatan Ahli Majlis dan Pengurusan tertinggi MPHS turut memeriahkan lagi program itu.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

## LAWATAN KE TEMPAT-TEMPAT PELANCONGAN SELIAAN MPHS DI FRASER HILL DAN MAJLIS APRESIASI BAGI PENYELARAS ADUAN MPHS

24-25 Oktober 2023 • FRASER HILL

**MINDE** Mengadakan lawatan ke tempat-tempat pelancongan bawah seliaan MPHS di sepanjang laluan ke Fraser's Hill. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Pembentangan Draf SOP Pengendalian Aduan awam dan mengadakan Mesyuarat Pengurusan Aduan Bil 20/2023. Majlis Aspirasi ini juga mempunyai tujuan utama bagi menghargai komitmen dan kerjasama penyelaras aduan yang terus memberikan komitmen dan sokongan dalam pengendalian aduan awam di MPHS pada tahap yang cemerlang.

## TAKLIMAT PENGGREDAN MAKANAN



25 OKTOBER 2023 •

DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU.

MPHS telah menerima Lawatan daripada Institut Latihan Pelatih Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertujuan mempelajari Prosedur Pemeriksaan dan Penggredan premis makanan yang dijalankan di Pihak Berkusa Tempatan. Seramai 4 tenaga pengajar dan 54 pelatih telah menghadiri sesi taklimat dan latihan dilapangan. Diharapkan dengan sesi latihan sebegini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, pengalaman dan hubungan erat antara pihak MPHS dan pihak KKM di masa akan datang.

## MESYUARAT AGUNG KOPERASI KAKITANGAN MPHS BERHAD KALI KE-34/2023

31 OKTOBER 2023 •

DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU.

Mesyuarat Agung telah dirasmikan oleh Encik Shaiful Rizza bin Haji Piamin Penolong Setiausaha MPHS. Turut hadir bersama LAr. Mohd Fadhil bin Mohd Lani, Penggerusi Koperasi Kakitangan MPHS Berhad, Muhammad Zafri Asra Uzaman bin Kamaruzaman, Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Hulu Selangor serta ahli-ahli Koperasi Kakitangan MPHS Berhad. Mesyuarat agung dimeriahkan lagi dengan acara cabutan nama bertuah.



# PROGRAM PENDIDIKAN KOMUNITI STRATA

## MPHS 2023

31 OKTOBER 2023 • DEWAN UTAMA, PERPUSTAKAAN SYED MASHOR, KUALA KUBU BHARU.

Program Pendidikan Komuniti Strata MPHS 2023 ini diadakan bagi memberi ruang kepada sesi taklimat dan perkongsian berkaitan maklumat-maklumat terbaru dan prosedur-prosedur berkaitan pengurusan strata kepada anggota-anggota jawatankuasa dan kakitangan JMB/MC dan Ejen Pengurusan. Program pada pagi ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua merangkap Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



Program telah dilaksanakan dengan penyampaian 2 sesi taklimat seperti berikut:

- i) Dasar Kawalan Rumah Kos Rendah / Rumah Selangorku / Rumah Mampu Milik Sebagai Penempatan Warga Asing oleh Puan Azlina binti Ismail, Penolong Pengarah Kanan, Unit Penguatkuasaan, Bahagian Pembangunan Operasi, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.
- ii) 'Best Practice' Bagi Prosedur Penarikan Kereta Terbiar di Kawasan Kediaman Berstrata oleh Puan Hayati binti Chat, Pengurus Bangunan, JMB Pangaspuri Anggerik Taman Bunga Raya merangkap Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Hulu Selangor.




Program ini telah dihadiri oleh seramai 70 peserta yang terdiri daripada anggota-anggota jawatankuasa JMB/MC dan wakil-wakil Ejen Pengurusan yang dilantik. Ahli-Ahli Majlis juga turut hadir dalam program ini antaranya Encik Muhamad Syafiq bin Zazali, Encik Aylwin Chan Wai Tuck, Puan Nur Jahirah binti Johari dan Puan Wong Sheau Mei@Ong Sheau Mei. Bahagian Pesuruhjaya Bangunan berharap agar program ini dapat membantu dan memberikan kefahaman kepada anggota-anggota jawatankuasa dan kakitangan JMB/MC dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada para penduduk akan dapat dipertingkatkan.



### OPERASI BILLBOARD HARAM

**Untuk tahun 2023, pada 10hb sehingga 26 Oktober 2023** Jabatan Bangunan mengadakan satu operasi tindakan penguatkuasaan bersepada terhadap struktur papan iklan haram (*billboard*) bersama jabatan dalaman MPHS iaitu Jabatan Penguatkuasaan di sepanjang lebuhraya utara selatan dalam kawasan Daerah Hulu Selangor dibantu agensi luaran iaitu pihak PLUS dan pihak kontraktor yang dilantik. Tindakan ini diambil adalah kerana syarikat (*billboard*) tersebut gagal untuk mematuhi arahan notis yang telah dikeluarkan oleh pihak MPHS sebelum ini iaitu arahan perobohan dalam tempoh 30 hari. struktur papan iklan haram *billboard* yang dirobohkan dan disimpan di stor simpanan sebelum dilupuskan. Operasi perobohan papan iklan (*billboard*) dijalankan di sepanjang kilometer 437.6 sehingga kilometer 398.9 untuk kedua-dua arah. Sebanyak 83 unit struktur telah dirobohkan.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

## MPHS TERIMA LAWATAN KERJA DARIPADA JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB), MPK, MPS DAN MPKL

2 NOVEMBER 2023 • MPHS.



Lawatan kerja daripada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Perbandaran Klang diketuai oleh Pengarah COB, Sr Amran Bin Abdullah Hadi, Majlis Perbandaran Selayang diketuai oleh Pengarah COB, Sr Mohd Asraf Bin Mat Yajid, Majlis Perbandaran Kuala Langat diketuai oleh Ketua Bahagian COM, Mohd Shauki Bin Jamaludin serta pegawai-pegawai teknikal jabatan yang terlibat dan disambut oleh Sr Husna Binti Hassan, Ketua Bahagian COB MPHS. Untuk makluman COB MPHS telah berjaya melengkapkan penguatkuasaan pengkompaunan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Kompaun telah dikeluarkan di bawah kesalahan Subsekysen 57(1), Akta 757 di atas kegagalan pemaju untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Perbadanan Pengurusan yang bernilai RM125,000.00 dan pembayaran kompaun oleh Orang Kena Kompaun (OKK) telah dibuat pada 30 Oktober 2023. Sehubungan itu, sesi perkongsian yang diadakan memfokuskan berkenaan prosedur pembukaan kertas siasatan dan penguatkuasaan yang telah berjaya dilaksanakan oleh COB MPHS termasuklah pendakwaan ke atas kegagalan mematuhi peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013(Akta757). Sr Husna turut memberikan taklimat dan penerangan berkenaan prosedur pelantikan ejen pengurusan yang telah dilaksanakan di kawasan pemajuan strata Hulu Selangor dan berharap agar sesi sebegini dapat mempertingkatkan kecekapan pelaksanaan undang-undang dan perkhidmatan kepada orang awam.



### KEJOHANAN GOLF PIALA YANG DIPERTUA 23

4 NOVEMBER 2023  
KELAB GOLF BUKIT BERUNTUNG

Kejohanan Golf Piala Yang Dipertua MPHS telah dianjurkan bersempena Sambutan Ulang Tahun Perbandaran ke-2, MPHS dengan penyertaan seramai 123 peserta yang terdiri daripada rakan-rakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan syarikat korporat dari dalam dan luar Negeri Selangor. Sebanyak tiga kategori yang dipertandingkan di dalam kejohanan ini iaitu Kategori VIP (Syarikat/Organisasi), Kategori Individu (Wanita) dan Kategori Individu (Lelaki). Kejohanan tersebut telah disempurnakan dan disertai sendiri oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang



Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir bersama memeriahkan program Yang Amat Dihormati Raja Dato' Muzaaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor dan Ahli

Majlis MPHS. Harapan MPHS dengan penganjuran program sebegini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara semua agensi dan rakan strategik dalam usaha membantu MPHS dalam pembangunan dan perkhidmatan di daerah Hulu Selangor.



# MPHS TERIMA ANUGERAH **BANDAR PALING MAMPAN 2023** SEMPENA MALAYSIA URBAN PLANNING AWARDS (MUPA)

9 NOVEMBER 2023 • PUTRAJAYA.

Majlis Perbandaran Hulu Selangor sekali lagi melakar sejarah setelah dinobatkan sebagai **Bandar Paling Mampan 2023**. Pengiktirafan ini diberikan kepada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia bagi Tahun 2023. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mewakili YBM KPKT sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 yang telah diadakan di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Hadir bagi menerima pengiktirafan ini Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua, MPHS. Turut hadir Pengarah Jabatan Perancang Bandar, MPHS serta Pegawai-Pegawai MPHS. Tahniah kepada warga kerja MPHS serta warga penduduk Hulu Selangor dalam menyokong dan membantu dalam menjadikan Hulu Selangor sebagai sebuah Bandar Mampan. Semoga status Bandar Mampan ini akan terus kekal untuk masa akan datang.



## *Majlis Minum Petang* MERAIKAN PENGARAH DAN PESARA MPHS 2023

8 NOVEMBER 2023

RESORT WORLD AWANA, GENTING HIGHLANDS



Majlis minum petang bagi meraikan pegawai dan kakitangan yang berpindah dan bersara telah diadakan pada 8 November 2023. Sr. Husna binti Hassan, Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) yang akan bertukar ke

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Kuala Lumpur kerana proses pemangkuuan bagi tujuan kenaikan pangkat. Beliau telah dipinjamkan bagi berkhidmat di MPHS selama tempoh 5 tahun. Yang Berusaha Tuan Mohd Hasry Bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS turut hadir menyampaikan cenderamata. Turut hadir, Yang Amat Dihormati Engku Orang Kaya Maha Bijaya, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Yang Berusaha Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS, Barisan Ahli Majlis MPHS, Pengarah-Pengarah Jabatan/Ketua-Ketua Bahagian MPHS serta wakil Anulae MPHS. Majlis Perbandaran Hulu Selangor merakamkan ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih atas sumbang bakti yang telah diberikan.

Perbandaran Hulu Selangor merakamkan ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih atas sumbang bakti yang telah diberikan.



1. ENCIK CHANDRAN A/L MUNISAMY	BERSARA WAJIB
2. PUAN KASIMAH BINTI DAUD	BERSARA WAJIB
3. ENCIK ADNAN BIN ABDUL MALEK	BERSARA PILIHAN
4. ENCIK MOHD AZDA BIN HJ. NORDIN	BERSARA PILIHAN

## SUMBANGAN DEEPAVALI



10 NOVEMBER 2023 • MPHS. Encik Puvanesvaran a/l Pachinuthu, Encik Murugan a/l Veerapandian dan Encik Kalaichelvan telah memberi sumbangan Deepavali kepada kakitangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang menyambut perayaan Deepavali.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

# OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU ISU KESESAKAN RUMAH 'OVER CROWDING' DI DALAM KAWASAN PEMAJUAN STRATA DAERAH HULU SELANGOR

14 NOVEMBER 2023  
APARTMENT RIA, GENTING HIGHLAND, HULU SELANGOR

Pihak MPHS bersama dengan agensi luaran iaitu Polis Diraja Malaysia Hulu Selangor (Gohtong Jaya), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor, Jabatan Tenaga Kerja (Rawang), Jabatan Tenaga Kerja (Bentong), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Zon 6 Selangor dengan kekuatan keseluruhan seramai **56 anggota** telah menjalankan operasi penguatkuasaan bersepadu melibatkan isu kesesakan rumah 'over crowding' di kawasan pemajuan strata di lokasi Apartment Ria (Selangor), Genting Highland, Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan. Sebanyak 8 unit premis telah diambil tindakan penguatkuasaan, manakala 1 unit tidak dapat dimasuki (premis berkunci). Sebanyak **4 kompaun** dan **11 notis** kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dikeluarkan oleh pihak MPHS. Manakala pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah mengambil tindakan penguatkuasaan dibawah seksyen 79 Akta Kerja 1955.



18 NOVEMBER 2023  
DEWAN TERBUKA SJK (C) BUKIT TANGGA, BUKIT BERUNTUNG

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) melalui Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) dengan kerjasama GVR Property Management & Services telah melaksanakan program bersama Komuniti di Bukit Beruntung. Program ini dilaksanakan sebagai inisiatif MPHS untuk memperkasa komuniti strata dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Sehubungan dengan itu pelbagai aktiviti telah disediakan dalam usaha menarik penyertaan dan kehadiran seluruh penduduk terutamanya daripada kalangan komuniti strata. Diharapkan agar pelbagai maklumat berkaitan dapat disalurkan kepada komuniti strata

## PROGRAM

# Santai Strata



khususnya dan seluruh penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Hulu Selangor amnya. Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr. Dr. Juhari bin Ahmad, Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Turut hadir bersama Tuan Mohd Hasry bin Noor Mohd, Yang Dipertua Merangkap Pesuruhjaya Bangunan MPHS, Yang Amat Dihormati Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Tuan Awaludin bin Zakaria, Setiausaha MPHS dan Encik Amirul Amir, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan dan Pengurusan Strata, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan dan Sr. Husna binti Hassan, Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan MPHS. Program yang berbentuk karnival ini turut diserikan dengan Sembang Strata bertajuk **"KOMUNITI STRATA HARMONI APARTMENTKU SYURGAKU"** yang disampaikan oleh Saudara Syamsul Debat. Selain itu, pelbagai aktiviti turut dilaksanakan antaranya Hari Bertemu Pelanggan MPHS, acara senamrobik, pameran agensi-agensi kerajaan dan swasta, Pertandingan Gubahan Barang Terpakai antara JMB/MC, Pertandingan Sepakraga antara JMB/MC, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, Pop Kuiz Strata dan 'Basketball Shots'. Turut berlangsung ketika sesi perasmian ialah Penyampaian Hadiah bagi Program Pengindahan Rumah Sampah Belia Strata MPHS 2023 yang telah berlangsung pada bulan Julai hingga September 2023. Program ini dilaksanakan dengan objektif menyemai kesedaran tentang pentingnya menjaga kebersihan dan rasa kepunyaan 'sense of belonging' dalam kalangan golongan belia terhadap kawasan kediaman berstrata masing-masing. Kumpulan Tulip's Crew dari Pangaspuri Seri Tulip Bukit Sentosa telah menjuarai program tersebut dan membawa pulang hadiah RM 1,200.00 dan 3 unit tong sampah leach bin yang bernilai RM 2,500.00 bagi setiap unit. Kumpulan Healing-Healing dari Apartment Anggerik Taman Bunga Raya muncul Naib Johan dan menerima hadiah RM 700.00 dan 2 unit tong sampah leach bin, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan Dream Team dari Apartment Dahlia Taman Bunga Raya. Pihak Majlis amat berharap agar pengajuran program ini dapat membawa manfaat kepada komuniti strata khususnya dan seluruh penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Hulu Selangor amnya.





## MPHS DINOBAT SEBAGAI PBT PERBANDARAN/DAERAH TERBAIK ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2023 PERINGKAT NEGERI SELANGOR

18 NOVEMBER 2023 • KUALA LANGAT

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) sekali lagi dinobatkan sebagai Pihak Berkua Tempatan (PBT) kategori Perbandaran/Daerah Terbaik bagi Anugerah Bandar Mampan 2023 Peringkat Negeri Selangor berdasarkan kepada pencapaian dalam Pelaksanaan Jaringan Penunjuk Bandar Mampan Bandar - Luar Bandar (MURNinets). Majlis yang berlangsung Sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2023 bertempat di Dewan Jubli Perak Kampung Endah, Morib, Kuala Langat. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato Menteri Besar Selangor. Tuan Mohd Hasry Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS hadir menerima anugerah tersebut diiringi oleh TPr. Azlina Mokhtar, Pengarah Perancangan Bandar MPHS. MPHS menerima Sijil Pengiktirafan, Trofi dan Wang berjumlah RM 10,000.00. Turut menerima Anugerah Bandar Mampan Terbaik Kategori PBT Bandaraya adalah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).



## KKB INTERNATIONAL Paragliding FESTIVAL & ACCURACY COMPETITION

18-19 NOVEMBER 2023 • KUALA KUBU BHARU PARAGLIDING PARK



Majlis Perbandaran Hulu Selangor dengan kerjasama Cloud Bass Venture telah mengadakan **Program Kuala Kubu Bharu Paragliding Festival & Accuracy Competition 2023 (OPEN)**. Program ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan aktiviti paragliding sebagai salah satu sukan lasak di Selangor sebagai sukan pelancongan di kalangan pelbagai peringkat generasi seterusnya menjadi acara tahunan di dalam calendar pelancongan Negeri Selangor selain menjadikan Kuala Kubu Bharu sebagai hub sukan udara yang dapat menerima juruterbang-juruterbang paragliding dari dalam dan luar negara. Penyertaan seramai **73 orang** yang terdiri daripada beberapa **7 buah negara** iaitu Malaysia (44), Indonesia (18), Filipina (6), Singapura (1), Poland (1), Perancis (1) dan Hong Kong (1). Program bermula jam 7:00 pagi dan tamat pada jam 6.00.

Antara tetamu yang hadir ialah Tuan Awaluddin bin Zakaria, A.M.S, Timbalan Yand Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Y.A.D Dato' Raja Muzaffar bin Raja Redzwa, D.S.I.S, Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Encik Awang Daik bin Mohd Nor, Unit Pentadbiran, Kewangan & Prasarana Pelancongan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Selangor (MOTAC), Puan Assyizahani binti Ahmad, Bahagian Pembangunan Prasarana Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC), Encik Mohamad Rayhan bin Kamarul Zaman, Bahagian Pembangunan Industri Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC), Encik Rozaidi Abd. Jamil @ Zed Zaidi, Pengurus Persatuan Seniman Malaysia selaku rakan strategik Cloud Bass Venture dan wakil daripada Fraser & Neave (F&N).





## MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

21 NOVEMBER 2023 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU

Seramai **128 kakitangan** Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) melafazkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu. Lafaz ikrar itu bertujuan bagi membentuk warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang berintegriti, bebas rasuah serta memberi penekanan dan meningkatkan iltizam kepada pegawai, kakitangan dalam menjauhi penyalahgunaan kuasa khususnya rasuah. Dalam amanat yang telah disampaikan oleh Yang Dipertua adalah perbuatan rasuah akan menyebabkan imej, persepsi dan kepercayaan masyarakat terjejas kepada sesuatu organisasi. Bak kata pepatah, 'Kerana Nila Setistik, Rosak Susu Sebelanga'. Tanamkan prinsip di dalam diri bawah-

rasuah tidak akan berlaku sekiranya 'Tiada Pemberi Ataupun Penerima'. Tuan Mohd Hasy Bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) disaksikan oleh Tuan Ridzuan Bin Abdul Malik PKPj Timbalan Pengarah (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Selangor. Turut diadakan Sesi Taklimat "Membudayakan Amalan Antirasuah Dalam Perolehan Kerajaan" disampaikan oleh PPs Mohd Zamir Bin Ahmad Zubid dari Unit Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Selangor.



## KURSUS KAUNTER

21 NOVEMBER 2023 • FRASER VALLEY.



Majlis Perbandaran Hulu Selangor melalui Bahagian Korporat telah mengadakan Kursus Perkhidmatan Kaunter dan Komunikasi Pelanggan dengan dihadiri oleh 25 orang "**Duta Kecil**" daripada pelbagai jabatan/bahagian/unit Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Puan Junainah binti Abdullah, Ketua Bahagian Korporat Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Kursus yang berlangsung selama satu hari ini dikendalikan oleh pakar runding yang tidak asing lagi dalam dunia khidmat pelanggan iaitu Puan Raihan binti Abdul Rahman dari Awaken Training & Consultancy Sdn. Bhd. Beliau turut dibantu oleh Tuan Ruslan bin Razali. Objektif kursus ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan dan mencambah minda "**Duta Kecil**" mengenai skil dan ilmu yang diperlukan dalam berhadapan dengan pemegang taruh yang terdiri dari pelbagai latar belakang dan ragam. "**Duta Kecil**" ini merupakan petugas barisan hadapan yang mencerminkan "wajah" Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Kebolehan dan kemampuan petugas barisan hadapan ini berhadapan dan mengendalikan pemegang taruh secara profesional merupakan aset bernilai kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Personaliti, komunikasi dan tingkah-laku yang profesional bagi petugas barisan hadapan ketika berhadapan dengan pemegang taruh sangat penting kerana ia memberi kesan langsung terhadap kepuasan pelanggan, seterusnya memberi kesan kepada imej positif Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Diharapkan dengan kemahiran komunikasi yang berkesan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan dengan pemegang taruh yang berurusan dengan Majlis Perbandaran Hulu Selangor sama ada hadir secara fizikal mahupun dalam talian telefon. Secara tidak langsung, dengan skil dan ilmu yang dipelajari dari kursus ini dapat membantu "**Duta-Duta Kecil**" bagi menambahbaik perkhidmatan kaunter dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Penyampaian sijil kepada semua "**Duta Kecil**" telah disempurnakan oleh Puan Junainah binti Abdullah, Ketua Bahagian Korporat dengan disaksikan



# LAWATAN & PERKONGSIAN ILMU BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS BERKAITAN PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN (P3S) DAERAH HULU SELANGOR

**22 NOVEMBER 2023 • MPHS.** Sekali lagi pihak Majlis diberi kesempatan untuk berkongsi ilmu berkaitan Program Pemutihan Pelancongan (P3S) khususnya melibatkan Inap Dusun. Deligasi Majlis Perbandaran Kangar, Perlis diketuai oleh YBrs Tuan Razif bin Yaacop, Setiausaha Majlis Perbandaran Kangar, Perlis (MPKPs) bersama Ketua Jabatan/Bahagian MPKPs telah membuat kunjungan hormat ke Majlis Perbandaran Hulu Selangor untuk perkongsian pengalaman MPHS dalam pelaksanaan Garis Panduan Pembangunan Premis Inap Dusun di Hulu Selangor. Deligasi seramai 20 orang ini telah disambut oleh YBrs Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS dan Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS serta pengarah dan ketua jabatan. Pembentangan dan perkongsian seterusnya telah disampaikan oleh TPr. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Perancang Bandar. Diharap perkongsian ini dapat membantu pihak MPKPs dalam merencana dasar-dasar baru khususnya melibatkan pemutihan premis-premis pelancongan di kawasan pentadbiran MPKPs.



## Majlis Makan Malam 'PJYIC'



**22-23 NOVEMBER 2023 • FRASER VALLEY.** Sempena program Bandar Persahabatan (*Friendship City*), Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memilih lokasi bagi program perkhemahan yang melibatkan pelajar-pelajar dari dalam dan luar negara. Sempena program tersebut, telah diadakan Majlis Makan Malam dan Persembahan Kebudayaan oleh para peserta program. Hadir pada program tersebut Ybrs. Tuan Ir. Ismail bin Rosli, Timbalan Setiausaha (Pembangunan) MBPJ, Ybrs. Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua, MPHS, Y. A. D Raja Dato' Muzaffar Bin Raja Redzwa, Engku Orang Kaya

Maha Bijaya Hulu Selangor, TPr. Diyanah Inani Binti Azmi, Pengerusi *Malaysian Institute of Planner Youth Wings*, Tuan Mohamad Fauzi Bin Maarop, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) MBPJ, Encik Rosli Bin Sulaiman, Timbalan Pegawai Pendidikan Pendidikan Daerah Hulu Selangor, Ahli Majlis MPHS serta Ketua Jabatan / Pengarah dan Pegawai dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Pada malam tersebut juga, turut diadakan majlis penyampaian sijil penyertaan dan cenderahati kepada wakil-wakil yang



terlibat iaitu dari Miyoshi, Jepun; Petaling Jaya, Selangor; Asan, Korea Selatan; Hulu Selangor, Selangor; Bandung, Indonesia; Kuala Terengganu, Terengganu; Qingyuan, China dan Kuching, Sarawak. Pihak MPHS merakamkan ribuan terima kasih diatas kerjasama yang telah diberikan. Diharap semoga jalinan kerjasama ini akan kekal pada masa akan datang.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

# MPHS ANJUR KAUNTER BERTEMU PELANGGAN

**25 NOVEMBER 2023** • LOTUS, BUKIT BERUNTUNG. Kaunter Bertemu Pelanggan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah berlangsung dan dianjurkan bertujuan untuk membuka peluang penduduk Hulu Selangor untuk menyalurkan aduan, pandangan atau masalah secara bersama-sama bersama kakitangan majlis. Program telah mendapat sambutan yang menggalakkan apabila ramai pelanggan telah hadir untuk berurusan di kaunter yang disediakan bagi memperoleh pencerahan, menyatakan masalah dan aduan yang dihadapi. Selain itu, MPHS turut mempromosikan aplikasi MPHS GO kepada pengunjung yang hadir. **MPHS GO** merupakan aplikasi telefon pintar bersifat *one stop centre* yang boleh digunakan oleh semua penduduk khususnya di Hulu Selangor. Kini semua urusan boleh dilakukan di hujung jari di mana pengguna boleh membuat aduan, membuat pembayaran bil cukai taksiran, cukai tanah serta bil utiliti yang lain serta pelbagai lagi perkhidmatan yang disediakan di dalam aplikasi ini.



## GOTONG ROYONG

# 5S



**1 DISEMBER 2023 • PEJABAT MPHS.**

Program Gotong-Royong Perdana APB 5S telah diadakan di kawasan zon angkat 5S dan kawasan persekitaran MPHS. Kawasan gotong-royong telah dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk tujuan pembersihan dengan 15 zon dibahagikan kepada dua zon bagi setiap satu kawasan.



# PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

◎ YAD DATO' RAJA MUZAFFAR BIN RAJA REDZWA, D.S.I.S



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

## PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

◎ AYLWIN CHAN, AHLI MAJLIS ZON 16



14 JULAI 2023 • Program Ziarah Kasih.

30 SEPTEMBER 2023 • KAMPUNG DAMAI, SERENDAH  
Program Pesta Tanglung Serendah 2023.



31 DISEMBER 2023 • KAMPUNG DATUK HARUN, SERENDAH  
Pengedaran Kalendar 2024.



13 OKTOBER 2023 • Program Ziarah Kasih.



23 DISEMBER 2023  
Majlis Makan Malam Bersama Komuniti 2023.



# PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

## ► TUAN SYED HIDAYAT BIN SYED HASSAN, AHLI MAJLIS ZON 9



**10 JULAI 2023 • TAMAN GAMELAN.**  
Program Jualan Ehsan Rakyat Selangor Sesi Julai 2023.



**23 JULAI 2023 • TAMAN GAMELAN.**  
Jualan Agro Madani Hulu Selangor.



**6 OGOS 2023 • TAMAN TANJAK.**  
Gotong Royong Mega Anti Denggi Taman Tanjak.



**18 JULAI 2023 • TAMAN MILENIUM.**  
Klinik Bola Sepak Hulu Selangor.



**27 OGOS 2023 • PADANG KOA, BULOH TELUR.**  
Gotong Royong bersama warga Kampung Orang Asli, Buloh Telur.



**14 OKTOBER 2023 • KOA, BULOH TELUR.**  
Kejohaan Bola Sepak Penalti Kampung Orang Asli Peringkat Hulu Selangor.



**14 NOVEMBER 2023 • BALAIRAYA TAMAN AMPANG PECAH.**  
Program Sumbangan Muhibbah Deepavali Zon Ampang Pecah dan Kelas Pembuatan Muruku 2023.



**16-17 DISEMBER 2023 • STADIUM MINI, KUALA KUBU BHARU.**  
Liga Bola Sepak Terbuka Piala Harapan Hulu Selangor 2023.



**30 DISEMBER 2023 • ESPIRA KINRARA, PUCHONG.**  
Jamuan Akhir Tahun 2023 bersama wakil Komuniti Ampang Pecah.

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

## PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

### ◎ AHLI MAJLIS ZON 17 KAMPUNG SUNGAI CHOH



24 JULAI 2023 • ????????????.  
Sumbangan Jersi Bola Sepak Veteran Sungai Choh.

11 OGOS 2023 • ????????????.  
Ertandingan Futsal Tertutup Piala Ahli Majlis Zon 17 Sungai Choh.



11 OGOS 2023 • ????????????.  
Sumbangan Membeli Baju Koprat & T-Shirt Ahli Pebs.



29 SEPTEMBER 2023 • ????????????.  
Sumbangan Bantuan Pendidikan  
(Nur Ain Natasha Binti Kamarul Ariffin & Nabil Ihsan Bin Kamarul Ariffin)



20 OKTOBER 2023 • ????????????.  
Badminton Tertutup Ahli Majlis Zon 17 Sungai Choh.



## PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

► MICHELLE WONG



**29 SEPTEMBER 2023 • HULU YAM BHARU**  
Program Sambutan Kuit Bulan dan Pesta Tanglung.



**28 OKTOBER 2023 • KAMPUNG KALONG TENGAH**  
Gotong Royong Perdana MPKK kampung Kalong Tengah.

► PUAN SARIPAH BINTI BAKAR



**18 NOVEMBER 2023 • KUALA KUBU BHARU**

Sukan Rakyat Zon Kuala Kubu Bharu. Kerjasama dengan MPKK Kuala Kubu Bharu dengan pelbagai acara disediakan, disertai hampir 100 orang penduduk sekitar daripada pelbagai peringkat umur, bangsa dan agama.



**30 DISEMBER 2023 • KUALA KUBU BHARU**

My City Clean-Up Day @ Kuala Kubu Bharu Town. Anjuran Sustainability Solutions diketuai En Harris bersama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MPH. Seramai hampir 50 orang peserta yang terdiri daripada sukarelawan yang prihatin akan alam sekitar. Sejauh dari Melaka, Putrajaya mereka datang ke Kuala Kubu Bharu untuk aktiviti plogging di samping memberi kesedaran kepada awam akan pentingnya menjaga alam sekitar. Seberat 192.7 kg pelbagai kategori sampah berjaya dikutip dalam tempoh hampir 2 jam sahaja di sekitar jalan utama dalam Pekan Kuala Kubu Bharu. Sampah-sampah kertas, plastik, botol plastik, besi, fabrik, straw, bahan pembungkusan makanan dan pelbagai jenis sampah lagi. Yang paling menarik, seberat 3kg PUNTUNG ROKOK telah dikumpulkan. Puntung rokok, nampak kecil tetapi besar impaknya kepada alam sekitar.

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

# KERATAN AKHBAR

## selangor kini



Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming melihat replika rumah dalam program Madani Rakyat di Kampung Air Panas Kerling pada 13 Julai 2023. Foto MOHD ARIF/SELANGORKINI

AGENDA NASIONAL

## Kementerian salur RM2.79 juta bantu MPHS naik taraf kemudahan awam

④ July 13, 2023 3:22 pm



雪隆监狱新闻稿：吉隆坡市府1/62, Jln Petaling, 50000 Kuala Lumpur. Tel: 03-20794626 Fax: 03-20015468

巴葛16日讯（又）：柔佛州务大臣兼环境、固体废物和公共卫生部长莫哈末拿督阿比丁今日在雪兰莪州政府位于巴葛的总部，出席“非法垃圾堆填场及污水排放调查”行动时，严厉警告非法垃圾场业主，一旦被发现，将被罚款至1万令吉。

阿比丁指出，雪州在过去的10年，通过雪州土地局和环保局的共同努力，成功取缔了100多个非法垃圾场，但仍有10多个存在。州政府在行动中，除了检查非法垃圾场外，也检查污水排放情况，以免对环境造成污染。他强调，雪州政府将持续努力，确保环境整洁，同时呼吁公众遵守相关法律法规，共同维护美好家园。



Yang Dipertua MPHS Mohd Hasyr Nor (kanan) dan Presiden MSU Tan Sri Dato Wira Dr Mohd Shukri Ab Yajid menunjukkan memorandum persefahaman (MoU) yang ditemeterai kedua-dua pihak di MSU pada 18 September 2023. Foto MPHS

PBT SELANGOR

## Kesihatan, pendidikan antara inisiatif kerjasama MPHS, MSU

by Siti Rohaizah Zainal ④ September 19, 2023 1:40 pm





## KERATAN AKHBAR ● JULAI - DISEMBER 2023

**Program khas tembak 2,449 burung gagak**

Putrajaya Shooter yang menyertai operasi tembak gagak di sekitar Hulu Selangor.

Operasi bertujuan mengurangkan risiko penyakit bawaan burung gagak seperti rabies dan histoplasmosis

Oleh NORAFIZA JAAFAR  
HULU SELANGOR

**S**ekiranya 2,449 ekor burung gagak ditembak dalam satu program minnenah dalam jalan-jalan abatan Pengurusan Gagak Putrajaya (JGPSP) Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS). Operasi tembak di sekitar Banting, Bentong, Kali Serendah, Rasa dan Kuala Kubu Bharu berlaku jam 7 pagi hingga 10 pagi pada Sabtu (10/11) lalu, selain 10 penembakan dari kelab Putrajaya Shooter.

Menurut ketua pasukan operasi tembak, Mohd Firdaus bin Ahmad, operasi ini merupakan peristiwa pertama kali di Hulu Selangor. "Ini juga membantu dalam mengurangkan populasi burung gagak yang terus meningkat terutamanya di tempat-tempat awam dan kawasan perumahan," katanya pada Astro AWANI.

"Kita juga mahu memberi maklumat bahawa operasi tembak gagak dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab tanpa mengabaikan keselamatan dan keselarasan alam sekitar," tambahnya.

"MPHS memahami kepentingan keselarasan ekologi dan menggalakkan aktiviti seni dan budaya bagi masyarakat. Namun, kita perlu mengambil tindakan untuk mengurangkan populasi burung gagak yang boleh dijangkiti daripada hawam ini seperti rabies dan histoplasmosis," katanya.

"Itu juga membantu dalam mengurangkan pembiaran dan gangguan yang sering dilakukan oleh burung gagak terutamanya di tempat-tempat awam dan kawasan perumahan," katanya pada Astro AWANI.

"Kepada masyarakat Hulu Selangor, kami berharap anda dapat menyokong usaha ini dengan mencampurkan perhatian dan ambil langkah pencegahan sendiri. "Elakkan meninggalkan sisa maklumat di luar rumah yang boleh menarik perhatian burung gagak. Kita boleh menjaga keselarasan alam sekitar saman membatasi keseleruhan dan kebersihan komuniti kita," katanya.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang donasi atau melaporkan maklumat dengan menghubungi mesyajid kejadian atau emel ke [selangorkini@selangorkini.com](mailto:selangorkini@selangorkini.com).

**烏雪市會舉辦 3 比賽 2 活動迎國慶**

烏雪市議會舉行“揮舞輝煌條紋”運動，前排左起是阿瓦努汀、哈斯利、劉明伶、烏雪議長拿督穆法茲和茱莉娜。（市议会公关组提供）

（17日訊）为了迎接我国第66个国庆日，乌雪市议会将举办“挥舞辉煌条纹”运动，并宣布举办3大比赛和2大活动，以鼓励市民宣扬爱国之心。

市议会主席哈斯利是在新古毛市议会大楼前的空地，为“挥舞辉煌条纹”运动主持开幕礼后指出，本月国庆落在雪州选举后，稳定的政局将带来平稳的发展，让人民更有信心欢庆国家的独立日。

**国庆装潢烹饪海报设计邀参赛**

“有鉴于此，市议会将举办国庆装潢、14州默迪卡烹饪和海报设计这3项比赛，以及国庆月庆典和无车日这两大活动。”

他补充，国庆装潢可以是住家或轿车设计，越能表达出爱国情操的屋主或车主将被选为优胜者。

“公开让各州人民参加的烹饪大赛，预计能够让参赛者在比赛的过程中做更紧密和有效的交流，从而提高各族人民的友爱精神。”

“海报设计比赛的主题是《异族同心》，作品必须能够表达各族的团结精神。”

另一方面，约有100名市议会职员响应这项运动，以市议会所分发的大小国旗装饰办公室和车间。

出席者包括有市议会副主席阿瓦努汀、公关主任茱莉娜，以及行动党党鞭刘明伶。

**盼市民体会团结重要性**

哈斯利表示，配合今年国庆日的主题，即《勇明大与：坚定团结满怀希望》，市议会深信各种比赛和活动能让更多市民体会到团结的重要性，进而奉行各族亲善与和谐的生活方式，共同为马来西亚的进步以及繁荣效力。

“市议会职员将率先在空中挥舞辉煌条纹，期待有更多的市民跟随其后，发挥创意以国旗来表达对马来西亚的深情。我也吁请乌雪市民以大马为荣，在办公室、工厂、住家、学校或公寓挂起

烏雪市議會辦公室和車廂。

國旗，在国庆日当天，让高喊默迪卡的声浪响彻乌雪县。”

职员响应市议会的号召，以国旗装饰车头盖。（市议会公关组提供）

**深切哀悼 雪蘭莪榮陽鄭氏宗親會副福利文賢宗長慈母鄭府陳氏柳老太夫人往生**

**足式**

雪蘭莪榮陽鄭氏宗親會理事會、青年團、婦女組暨全體宗親會員同敬挽

母儀

深切哀悼 雪蘭莪榮陽鄭氏宗親會副福利文賢宗長慈母鄭府陳氏柳老太夫人往生

足式

雪蘭莪榮陽鄭氏宗親會理事會、青年團、婦女組暨全體宗親會員同敬挽



PBT SELANGOR  
**MPHS perkenal parkir kereta digital mulai 1 Disember**

November 15, 2023, 5:27 pm



**selangor kini**



Wakil Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dan UMW Corporation Sdn Bhd (UMW) pada sesi lawatan tapak dan pertemuan persediaan mengatakan program penanaman anak pokok buih di UMW High Value Manufacturing Park, Serendah pada 10 November. Foto Facebook MPHS.

PBT SELANGOR  
**MPHS, UMW bekerjasama tanam 1,500 anak pokok buluh**

by Sulaiman Shahruh Aminar | November 13, 2023, 11:00 pm



**selangor kini**



Sesetia awal mendapati, paip pecah menjadi punca runtuhannya terletak di bahu jalan utama Bandar Sungai Buaya. Foto Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

**Runtuh tanah di bahu jalan, MPHS arah pemaju projek atasi punca kejadian**

by Zareef Muazzmi | November 30, 2023, 2:31 pm






# LAPORAN ADUAN



JUMLAH ADUAN BAGI TAHUN 2023 (JULAI - DISEMBER)




## SALURAN PENERIMAAN ADUAN



## PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT JABATAN

MAJLIS / JABATAN	ADUAN	%
BAHAGIAN KORPORAT	2	0.07
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	3	0.10
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	7	0.24
JABATAN PERBENDAHARAAN	17	0.59
JABATAN PELESENAN	17	0.59
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	18	0.63
JABATAN PERANCANG BANDAR	52	1.82
BAHAGIAN PESURUHKAYA BANGUNAN COB	74	2.58
JABATAN BANGUNAN	154	5.38
AGENSI LUAR	244	8.52
UNIT KAWALAN HAIWAN TERBIAR	275	9.61
JABATAN LANDSKAP	401	14.01
JABATAN PENGUATKUASAAN	408	14.25
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM	441	15.40
JABATAN KEJURUTERAAN	750	26.20
<b>JUMLAH</b>	<b>2,863</b>	<b>100.00</b>



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA



JULAI - DISEMBER 2023



#### PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT KATEGORI

BUTIRAN	ADUAN	%
KEBERSIHAN PERMIS MAKANAN	4	0.11
IKLAN	5	0.14
TADBIR URUS	7	0.20
PENGUATKUASAAN	8	0.23
BIL CUKAI TAKSIRAN	20	0.57
PERUMAHAN	21	0.60
PENCEMARAN	26	0.74
HARTA PBT	34	0.97
LESEN PERNIAGAAN	34	0.97
HALANGAN AWAM	61	1.74
PROJEK/TAPAK BINAAN	61	1.74
TAMAN PERMAINAN / TAMAN RIADAH / TAMAN TASIK / DATARAN	69	1.96
BENCANA ALAM	85	2.42
PENJAJA	88	2.50
TEMPAT LETAK KENDERAAN / PARKIR	117	3.33
BANGUNAN	214	6.09
LAMPU	252	7.17
KEJIRANAN	295	8.40
JALAN	318	9.05
POKOK	473	13.46
HAIWAN / SERANGGA	494	14.06
PEMBERSIHAN AWAM	827	23.54
JUMLAH	3,513	100.00



#### KATEGORI ADUAN TERTINGGI



PEMBERSIHAN  
AWAM  
**827** ADUAN



JALAN  
**318** ADUAN



HAIWAN / SERANGGA  
**494** ADUAN



KEJIRANAN  
**295** ADUAN



POKOK  
**473** ADUAN



**YANG DIPERTUA**  
**TUAN MOHD HASRY BIN NOR MOHD A.M.S.**



**SETIAUSAHA**  
**TUAN AWALUDDIN BIN ZAKARIA**  
A.M.S.



**PENGARAH**  
**JABATAN PERBENDAHARAAN**  
ENCIK SHAIFUL RIZZA BIN HJ PIAMIN  
C.A.(M), P.P.T.



**JABATAN KEJURUTERAAN**  
ENCIK MOHD AZDA BIN NORDI  
P.P.T.



**PENGARAH**  
**JABATAN PERANCANG BANDAR**  
PUAN AZLINA BT MOKHTAR  
P.P.T.



**PENGARAH**  
**JABATAN LANDSKAP**  
LA.R. MOHD FADHIL BIN MOHD LANI  
P.P.T.



**PENGARAH**  
**JABATAN BANGUNAN**  
ENCIK MD REZAL BIN  
MOHD SOFIAN@ABD KARIM  
P.P.T.



**PENGARAH**  
**JABATAN PELESENAN**  
ENCIK KAMARUZZAMAN  
BIN ABDUL RAHMAN P.P.T.



**PENGARAH**  
**JABATAN PENGUATKUASAAN**  
MUHAMMAD AZRUL NIZAM  
BIN MOHD AZIZI  
P.P.T.



**PENGARAH**  
**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**  
ENCIK MOHD NORAZIF  
BIN AHMAD TAMSIL  
P.P.T.



**PENGARAH**  
**JABATAN PENGURUSAN SISA  
PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM**  
ENCIK MOHD SHAHRIL BIN RAMLI  
P.P.T.



**KETUA**  
**BAHAGIAN KORPORAT**  
PUAN JUNAINAH BINTI ABDULLAH



**KETUA**  
**BAHAGIAN PUSAT SETEMPAJ  
(OSC)**  
ENCIK MOHD RAZAINI BIN ISHAK



**KETUA**  
**BAHAGIAN PESURUJAYA  
BANGUNAN (COB)**  
PUAN HUSNA BINTI HASSAN



**PENGARAH**  
**JABATAN PENILAIAN DAN  
PENGURUSAN HARTA**  
ENCIK AMLIE BIN ISMAIL  
P.P.T.



**KETUA**  
**BAHAGIAN PERUNDANGAN**  
PUAN RUIZIANAH BINTI MOHAMAD



**KETUA**  
**BAHAGIAN TEKNOLOGI  
MAKLUMAT**  
ENCIK MOHAMAD RAMDAN BIN IBRAHIM



**KETUA**  
**BAHAGIAN AUDIT DALAM**  
ENCIK SAMSUL KAMAL BIN ABD AZIZ



**KETUA**  
**JABATAN PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT**  
PUAN NURUL HUDA AHMAD  
BINTI KHAIRUDDIN



**KETUA**  
**BAHAGIAN PEROLEHAN**  
CIK NORAZIMAH BINTI MOHD ARSHAD




**KETUA**  
**UNIT INTEGRITI**  
ENCIK ABDULLAH SHAHROL BIN ROSLI

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

# YANG DIPERTUA

## SETIAUSAHA, PENGARAH/KETUA JABATAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS








## MEKANISME SALURAN ADUAN APLIKASI iCLEAN SELANGOR

iClean Selangor membantu anda untuk melaporkan aduan berkenaan sampah secara langsung melalui telefon pintar anda.



019-375 9592  
019-375 3980

019-274 2824

iclean@kdebwm.com

1-800-88-2824



### Pendaftaran Mudah

Pendaftaran menjadi ahli baru adalah mudah dan pantas.



### Lokasi Aduan

Setiap aduan akan mempunyai lokasi GPS untuk kami pastikan kesahihannya dengan lebih tepat.



### Aduan Bergambar

Meningkatkan kesahihatan geografi dengan menambah unsur-unsur imej ke atas peta.



### Semakan Aduan

Anda boleh menyemak aduan anda melalui aplikasi mobile pada bila-bila masa. Status aduan akan dihantar sebagai notifikasi untuk makluman anda.



### Lebih Cekap

Setiap Aduan yang kami terima akan dikategorikan secara automatik dan diutus kepada jabatan dan bahagian yang berkenaan dengan pantas. Aduan anda akan dapat kami segerakan tindakannya.



### Maklum Balas Awal

Anda akan diberikan maklum balas segerus selepas aduan anda diterima. Sebarang maklumat ke majuan akan dihantar kepada anda dengan kadar segera.

### Muat-Turun Sekarang!

Download on the App Store

ANDROID APP ON Google play

\* Hanya Taip "iClean Selangor" di ruangan carian.

### Daftar

1. Klik pada ikon 'PENGGUNA BARU'
2. Masukkan NAMA, NAMA PROFIL dan NOMBOR KAD PENGENALAN anda dan tekan 'Seterusnya'
3. Masukkan ALAMAT, NOMBOR TELEFON, NO FAKS, E-MEL dan pilih PIHAK BERKUASA TEMPATAN anda dan tekan 'Seterusnya'
4. ID PENGGUNA anda akan ditetapkan. Masukkan KATALALUAN dan sahkan KATALALUAN anda. Tekan 'Hantar'

ISSN 2685-8367



MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

Jalan Bukit Kerajaan, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan.

Telpon : +603 6064 1331 | Faks : +603 6064 3991 | Aduan : [aduan@mphs.gov.my](mailto:aduan@mphs.gov.my)